

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU**  
**MESYUARAT YANG KEDUA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**

PADA 13 DAN 14 OGOS 2007

*bersamaan*

29 REJAB DAN 1 SYAABAN 1428

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu



**DENGAN INGATAN  
TULUS IKHLAS**

*daripada:*

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**



# **PERSIDANGAN**

---

**HARI ISNIN,  
13 OGOS 2007**



**HARI ISNIN,  
13 OGOS 2007**

## KANDUNGAN

---

- |    |   |          |
|----|---|----------|
| 1. | Nama Ahli-ahli.                           | [Muka 1] |
| 2. | Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua | [Muka 5] |
| 3. | Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan   | [Muka 6] |
| 4. | Soalan-soalan Yang Telah Diberikan Notis: |          |
|    | - Soalan Bertulis                         | [Muka 7] |
|    | - Soalan Lisan                            | [Muka 8] |

*[Bersambung]*





**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI**

**HADIR**

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA**

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DSMZ., DPMT., DSAP., ASM., AMN., PJC., PJK., BLB.

**YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU**

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.

**WAKIL JERTIH**

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT., KMN., PKT., PJK.

**WAKIL BUKIT PAYONG**

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.

**WAKIL AJIL**

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.

**WAKIL KIJAL**

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.

**WAKIL CUKAI**

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.

**WAKIL BUKIT BESI**

Y.B. Dato' Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, DPMT., DJN., PJK.

**WAKIL LADANG**

Y.B. Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT., DMSM., KMN., AMN.

**WAKIL PERMAISURI**

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.  
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.  
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw, PPN., PJK.  
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT., AMN., PJK.  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT., KMN., PJK.  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.  
WAKIL LANGKAP

Y.B. Haji Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT., AMN., PPN., PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah, AMZ.  
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali, AMT.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT., PJK.  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat, AMT.  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, AMZ., PJK.  
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMT., KMN., AMN., PPN., PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3)  
UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU  
(BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Haji Mohamad Sekeri bin Mamat

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

## **PUKUL 9.30 PAGI**

### **DOA**

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

### **UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Marilah sama-sama kita memanjat kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita bertemu di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini.

Persidangan kali ini merupakan Mesyuarat Yang Kedua Bagi Penggal Persidangan Yang Keempat, Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas. Dewan ini akan bersidang selama dua (2) hari iaitu pada 13 dan 14 Ogos 2007.

Persidangan pada hari ini, 13 Ogos 2007 akan diteruskan dengan pembentangan Kertas-kertas Kerja dan diikuti dengan sesi Soalan-soalan Bertulis dan Lisan. Bagi Soalan-soalan Lisan, seperti biasa diperuntukkan soalan-soalan tambahan mengikut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Fasal 27(5) hanya dibenarkan tiga soalan tambahan sahaja. Oleh kerana mesyuarat kali ini, pihak pentadbiran Dewan tidak menerima apa-apa Usul atau Rang Undang-Undang untuk dibentangkan, maka mesyuarat akan ditangguhkan sebaik sahaja selesai sesi Soalan-soalan Lisan nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat mematuhi dan menghormati Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu Darul Iman khususnya Fasal 46. Juga diharapkan kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Persidangan kali ini akan berjalan dengan teratur, bertertib dan harmoni. Terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

- 3.1. Penyata Kewangan Tahun 2005 Yayasan Islam Terengganu.  
(D.U.N. Bil. 7/2007)
- 3.2. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2005 Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.  
(D.U.N. Bil. 8/2007)
- 3.3. Penyata Kewangan Tahun 2006 Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.  
(D.U.N. Bil. 9/2007)
- 3.4. Penyata Akaun Awam Negeri Terengganu Tahun 2006.  
(D.U.N. Bil. 10/2007)
- 3.5. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2006 Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.  
(D.U.N. Bil. 11/2007)

**SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat ialah soalan-soalan daripada:

1. Yang Berhormat Wakil Kemasik.
2. Yang Berhormat Wakil Jabi.
3. Yang Berhormat Wakil Manir.
4. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan.
5. Yang Berhormat Wakil Tepoh.
6. Yang Berhormat Wakil Batu Burok.
7. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit.
8. Yang Berhormat Wakil Kuala Berang.
9. Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

## **SOALAN-SOALAN LISAN**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Bagi Soalan-soalan Lisan yang telah diberi notis saya meminta kerjasama daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk memastikan perbahasan ataupun jawapan kepada Soalan-soalan Lisan seboleh-bolehnya, kalau boleh kali ini kita habiskan semua soalan yang dikemukakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan, yang pertama saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik mengemukakan soalnya.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua soalan yang pertama –

*Perkhidmatan Penerbangan Firefly akan meluaskan operasinya pada tahun hadapan. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi mengadakan Perkhidmatan Firefly ke Lapangan Terbang Kertih?*

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai):** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati-pemerhati, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan.

Soalan pertama adalah berkaitan dengan usaha-usaha kerajaan untuk mengadakan Perkhidmatan Firefly ke Pelabuhan Kertih. Buat masa ini kerajaan sudahpun memulakan operasinya ke Negeri Terengganu, walaupun begitu belum ada perancangan oleh Firefly untuk mengadakan penerbangan ke Kertih. Kita telah mengadakan beberapa usaha seperti rundingan dengan Firefly untuk pastikan kita adakan penerbangan ini ke Kertih. Sungguhpun begitu, Firefly menyatakan oleh kerana kekurangan pesawat, penerbangan Firefly akan diadakan pada tahun hadapan selewat-lewatnya apabila mereka menambahkan pesawat secara berperingkat-peringkat mulai pada akhir tahun 2008. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya yang kedua -



*Sila nyatakan bentuk insentif yang telah dan akan diberikan kepada atlit sukan dalam menghadapi SUKMA 2008 dan apakah persiapan terkini Kerajaan Negeri dalam memastikan Terengganu memperolehi jumlah pingat sebagaimana yang disasarkan?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Soalan yang kedua adalah berbunyi - Sila nyatakan bentuk insentif yang telah dan akan diberikan kepada atlit sukan dalam menghadapi SUKMA 2008 dan apakah persiapan terkini Kerajaan Negeri dalam memastikan Terengganu memperolehi jumlah pingat sebagaimana yang disasarkan? Suka saya nyatakan bahawa yang pertamanya, insentif-insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah berbentuk yang pertamanya adalah Skim Bintang iaitu tiga kategori telah kita perkenalkan iaitu skim untuk Pingat Emas kita sediakan bayaran ataupun elaun sebanyak RM300.00 satu bulan, Skim Dua Bintang ataupun untuk Pingat Perak adalah sebanyak RM200.00 setiap bulan, Skim Pingat Gangsa ataupun Skim Satu Bintang adalah sebanyak RM100.00. Dan juga kita menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada para atlit yang mempunyai potensi untuk dijadikan sebagai Jurulatih, sebagai contohnya, seorang telahpun kita kenal pasti iaitu Saudara Marjelan dalam acara Judo yang juga beliau adalah merupakan atlit SUKMA dan jugak mampu menjadi Jurulatih. Yang ketiga, adalah bantuan-bantuan latihan yang diadakan sama ada oleh atlit ataupun oleh persatuan-persatuan sukan. Yang keempat adalah bantuan penyertaan kepada program-program yang dilaksanakan oleh persatuan-persatuan sukan lain sama ada di peringkat negeri atau peringkat di luar negeri yang mana kita melihat ianya perlu dengan memberi bantuan individu dan juga kepada persatuan-persatuan sukan. Sementara persiapan kita dalam mencapai sasaran, insya Allah kita doakan supaya tempat yang akan diperolehi nanti ialah tempat yang terbaik dengan adanya kerjasama daripada semua termasuk penyiapan tempat-tempat yang sepatutnya yang mana kita jadikan sukan di Terengganu ialah 'Sukan Milik Rakyat Terengganu', SUKMA 2008 iaitu dengan menyediakan atlit yang pertama mesti kita kena beri tumpuan kepada Program Pembangunan Atlit. Di dalam Program Pembangunan Atlit melibatkan Program Gemilang Terengganu Terbilang 2008. Ini adalah program bukan sahaja program jangka pendek tetapi merupakan program jangka panjang yang melibatkan pembangunan atlit-atlit untuk kejohanan 2008 dan juga insya Allah untuk kejohanan 2010 kerana Sukan SUKMA kita ketahui bahawa dianjurkan dua

tahun sekali. Ini adalah program-program yang kita jayakan; Program Penyediaan Atlit-atlit, Kem Sukan, Penganjuran Kejohanan-kejohanan yang mana dianjurkan oleh persatuan-persatuan sukan di peringkat negeri yang mana komitmen daripada persatuan-persatuan sukan ini cukup baik dan juga penyertaan kepada kejohanan-kejohanan yang dianjurkan oleh pihak-pihak lain melalui Majlis Sukan Negeri kita akan anjurkan yang boleh dikatakan sebagai Pra SUKMA iaitu Kejohanan Sukan Terengganu ataupun SUTERA Ke-2, insya Allah sebelum berakhir tahun ini. Ini ialah di antara yang kita sediakan. Selain daripada itu, untuk program dalam mencapai tempat yang terbaik ataupun sasaran yang telahpun kita letakkan, kita menyediakan jurulatih-jurulatih, sama ada jurulatih yang kita kenal pasti yang mempunyai potensi daripada luar. Sebagai contohnya, Jurulatih Ping Pong, kita kenal pasti daripada luar, Jurulatih Wusyu dan juga selain daripada itu kita menempatkan jenis-jenis sukan ditempatkan sementara, dihantar untuk berlatih di luar negara, contohnya acara sepak takraw di mana kita buat latihan di Thailand dan juga acara tinju juga di Selatan Thailand. Inilah antara yang kita telah kenal pasti sebagai antara usaha pembangunan atlit-atlit yang insyaAllah, akan kita perolehi sebagaimana yang kita sasarkan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebelum itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri kerana dapat mengadakan berbagai-bagai insentif bagi memberi semangat dan penghargaan kepada atlit-atlit kita. Soalan saya – adakah perkara yang sama diadakan semasa Kerajaan Pas dahulu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya tak reti nak jawablah soalan ini. Saya cuba mintak maklumat-maklumat daripada agensi-agensi yang berkait tentang bentuk-bentuk kemudahan yang disediakan. Duk kelebek-kelebek, duk selak-selak, memang kosong, tidak ada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dulu dan usaha-usaha pembangunan kepada atlit-atlit kita. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Kemasik. Sekarang saya mempersilakan Wakil Bukit Tinggi mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

*Kita amat mengalu-alukan berita baik kenaikan taraf Bandar Kuala Terengganu menjadi Bandaraya Kuala Terengganu dengan tema Bandaraya Warisan Pesisir Air menjelang 2008. Apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan 2 buah daerah, iaitu Daerah Kuala Terengganu dan Daerah Kuala Nerus di dalam sebuah Bandaraya Warisan Pesisir Air?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati-pemerhati sekalian.

Pertamanya, marilah kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana Kerajaan Pusat telahpun meluluskan menaikkan taraf Majlis Perbandaran Kuala Terengganu menjadi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada tahun 2008. ....(Tepukan Sokongan) ..... Dan berhubung dengan permintaan dan cadangan daripada Kuala Nerus, insya Allah Kerajaan Negeri bersedia mengkaji cadangan penubuhan Daerah Kuala Nerus. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah acuan ataupun model bandaraya yang akan dilaksanakan di Kuala Terengganu ini?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita juga bersyukur dan berbangga kerana anugerah Allah kepada Negeri Terengganu khususnya Daerah Kuala Terengganu dan Bandaraya Kuala Terengganu ini kerana tidak banyak ibu negeri atau Majlis Bandaraya yang terletak di antara pantai dan sungai. Biasa berlaku bandaraya itu terletak di kawasan pantai ataupun di kawasan tebingan sungai tetapi kita terletak di kedua-duanya sekali sebab itulah bandaraya kita ini bertemakan Bandaraya Warisan Pesisir Air. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Wakil Alur Limbat untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

*Berapakah jumlah masjid-masjid dan surau-surau kerajaan di seluruh Negeri Terengganu yang telah dikenalpasti oleh JHEAT mulai 2004 yang telah disalahguna oleh pemimpin-pemimpin pembangkang dan pendakwah-pendakwah pembangkang untuk tujuan membangkitkan kebencian rakyat terhadap pemimpin dan kerajaan serta apakah tindakan penguatkuasaan undang-undang yang telah diambil oleh JHEAT bagi menangani masalah tersebut?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahma-nirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Wakil Alur Limbat yang ingin tahu berkenaan jumlah masjid ataupun surau di seluruh Negeri Terengganu yang dikenalpasti menjadi tempat pembangkang untuk menjalankan dakyah-dakyah kepada kerajaan iaitu dengan kata lain dijadikan pusat untuk membenci kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sehingga 30 Jun 2007, sebanyak 14 buah masjid yang boleh dikategorikan sebagai pusat atau tempat yang digunakan oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang iaitu Pas kerana DAP tidak berceramah di masjid dan surau ni. Pas yang menjalankan dakyah mereka di seluruh Negeri Terengganu, jadi ini suatu keadaan yang tidak sewajarnya berlaku di mana rumah suci Allah tempat orang Islam beribadat dijadikan pusat untuk menimbulkan rasa al-adawah walbaradha' (permusuhan dan juga kebencian) oleh pihak pembangkang kepada kerajaan. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Boleh dinyatakan contoh-contoh dakyah yang dilakukan oleh pendakwah-pendakwah Pas di masjid-masjid dan surau-surau kerajaan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua, dakyah-dakyah terlalu banyaklah yang tujuannya tidak lain tidak bukan ialah untuk melahirkan rasa benci dan rasa permusuhan di kalangan sesama umat. Jadi ini tidak sewajarnya berlaku sebagai sebuah parti yang perjuangkan agama. Antara contohnya yang saya rasa paling terbaru, ini contoh yang paling panas ni yang dibuat fatwa atau yang dikemukakan oleh Ketua Pemuda Pas Negeri. Tidak tahu kelulusan mana ni, Pas memang Pas dah tapi lulus tak lulus tak tahulah kelulusannya ini. Yang berlaku ...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh dapat penjelasan ni, siapa dia jugak ketuanya tu yang sampai dok tahu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya tahu dia ni, nama dia Azman Shapawi tapi kelulusannya Allahuwa'lam. Pass memang pass dah sebab dia Parti Pas. Iaitu berlaku di Surau Kampung Taman Rakyat Jaya, Dungun pada 18hb. Julai, 2007 yang lalu. Kalau boleh diizinkan Yang Dipertua, saya bacakan apa yang dinyatakan di sini, ini kerja dia menghentam, sekarang ini isu lain tidak ada didengar dah, isu jual KUSZA takdok dengar dah, isu pembaziran takdok dengar dah. Sekarang ini isu yang cuba dimainkan, cuba diratibkan oleh mereka ialah isu 'Islam Hadhari'. Jadi dengan izin saya baca Yang Dipertua. Ini petikan ucapan Azman Shapawi, Ketua Dewan Pemuda Pas Negeri Terengganu, ucapan dia: "Saya terangkan kepada semua pada malam ini. Orang yang memperjuangkan Islam Hadhari, orang yang menyokong Islam Hadhari, orang yang beriktihad Islam Hadhari Islam yang baik dia murtad, saya ulang sekali lagi, 'dia murtad' kepada agama Allah dan saya bertanggungjawab dalam ucapan ini, Pejabat Agama boleh panggil, Mahkamah Syariah boleh panggil." Jadi ini satu dakyah yang saya rasa amat tidak wajar dan saya mintak Pejabat Agama untuk mengambil tindakan memanggil orang ini ataupun tokoh ini, Ketua Pemuda cap ayam ini untuk diambil siasatan. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah peranan kepimpinan tertinggi Tok Guru dan Tok Alim Ulama Pas dalam membendung penyakit pendakyah menggunakan institusi masjid dan surau untuk mengelirukan rakyat supaya membencikan dasar dan juga kerajaan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan ini sepatutnya ditujukan kepada Ketua Kepimpinan Paslah tapi saya jawab dari sudut pandangan saya. Dan saya merasakan punca

kemenangan Pas dalam sebarang Pilihan Raya adalah kebencian, fitnah dan adu-dumba kerana selagi rakyat menyayangi dan mencintai kerajaan yang ada, saya yakin dan saya percaya sampai Kiamatpun mereka tak mampu untuk nak mentadbir dan memerintah negeri ataupun negara. Lantas mereka menggunakan budaya fitnah, budaya bohong dan budaya yang melahirkan rasa benci dan jugak rasa tidak suka kepada kerajaan yang ada kerana dengan umpan yang sebegitulah mereka mampu untuk memenangi sebarang pilihan raya sebagaimana yang berlaku dalam tahun '99 dan sebagainya. Kerana daripada ceramah-ceramah dan dakyah-dakyah yang mereka jalankan tiada satupun yang dibuat oleh kerajaan itu baik. Dan ini saya tengok daripada pimpinan mereka sama ada dari yang setinggi-tingginya kepada yang serendah-rendahnya, mereka tidak ada apa-apa tindakanpun yang diambil, malah saya percaya mereka menyokong kerana dakyah ini boleh menyebabkan mereka menang dalam Pilihan Raya, jadi mereka ini sanggup menghalalkan sebarang cara untuk mencapai matlamat walaupun matlamat tersebut bercanggah dengan agama dan nilai-nilai budaya kita. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Dipertua, soalan tambahan. Layakkah alim ulama seperti ini digelar seperti apa yang digelar oleh Rasulullah S.A.W. sebagai Ulama Sub ataupun Ulama Jahat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, saya tak boleh nak meletakkanlah, sebab itu kita daripada kerajaan tidak mampu untuk menghukum, yang menghukum adalah Allah S.W.T. sahaja tapi rakyat boleh menilai, masyarakat boleh menilai apa yang baik dan apa yang tak baik, yang mana buruk yang mana kera, yang mana batu yang mana permata. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang kedua -

*Adakah landasan Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang sedang dinaiktaraf sekarang boleh menerima pendaratan dan pelepasan Kapal Terbang Boeing 747?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Dato' Yang Dipertua, Wakil daripada Alur Limbat ingin bertanya - Apakah landasan Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang sedang dinaiktaraf sekarang boleh menerima pendaratan dan pelepasan Kapal Terbang Boeing 747?

Dato' Yang Dipertua, landasan kapal terbang yang sedang dinaikkan taraf sekarang ini panjangnya sepanjang 2.8 km hanya mampu untuk kapal terbang ataupun pesawat 777. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri merasakan bahawa untuk kita mencetus ekonomi negeri supaya ianya menjadi pusat atau pintu masuk antarabangsa, Kerajaan Negeri telahpun merayu ataupun membuat cadangan kepada Kerajaan Pusat termasuk Kementerian Pengangkutan dan juga Kementerian Kerja Raya juga kepada Perdana Menteri sendiri bahawa kita meyakinkan mereka bahawa dengan sesungguhnya Negeri Terengganu ini memerlukan landasan sehingga 3.4 km supaya kapal terbang Boeing 747 dapat mendarat. Sekarang ini Kerajaan Pusat sedang mengkaji dengan seserius-seriusnya dan kita telah mencadangkan oleh kerana dia memerlukan lebih kurang 600 atau 700 meter sahaja lagi dan untuk itu kita telah mencadangkan bahawa kita tidak akan mengambil tanah-tanah rakyat tetapi kita akan panjangkan landasan ini ke laut. Ini bukan sahaja dapat mengindahkan pemandangan juga kita memastikan bahawa sebenarnya jalan ke laut ini akan lebih murah daripada kos pengambilan balik tanah. Jadi kita yakin bahawa Kerajaan Pusat akan meluluskan permohonan kita dan insya Allah di dalam proses ini, insya Allah 747 akan dapat mendarat di Kuala Terengganu. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat):** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan. Justeru itu, adakah kerajaan berhasrat untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Mahmud ini sebagai sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa dan juga menjadikan ianya sebagai sebuah lapangan terbang untuk Jemaah Haji Zon Timur.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):** Dato' Yang Dipertua, itu adalah salah satu daripada justifikasi kita di dalam kita membentangkan kepada Kerajaan Pusat bahawa sebenarnya Terengganu merupakan tempat yang paling sesuai untuk kita membawa jemaah-jemaah haji daripada Pantai Timur terus ke Jeddah ataupun ke Madinah. Jadi sebab itulah di dalam kita membentangkan justifikasi kita ini bahawa sebenarnya oleh kerana KLIA terlalu sibuk bila musim haji kita dapat meringankan beban KLIA dengan menjadikan Terengganu ini sebagai hab Tabung Haji. Dan respon yang kita terima daripada Tabung Haji amatlah positif untuk menjadikan Terengganu sebagai hab untuk mereka-mereka menunaikan Haji. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah benar dakwaan yang menyatakan bahawa pembinaan Lapangan Terbang Sultan

Mahmud ini siapnya lewat dengan jadual asal dan kalau ianya benar, apakah faktor ataupun perkara-perkara yang menyebabkan kelewatan pembinaan lapangan terbang tersebut daripada jadual asalnya? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):  
Insya Allah Dato' Yang Dipertua, jadualnya sebagaimana yang dijadualkan iaitu kita akan siap insyaAllah *partial completion* sebelum raya, insya Allah 2 Oktober ini. Itu perancangannya bahawa kita dan rakyat-rakyat Terengganu daripada luar akan dapat menikmati airport baru *partial completion* dan saya rasa tidak ada *delay* ataupun kelewatan di dalam pembinaannya. Cuma pada peringkat awalnya sahaja oleh kerana kita mahu memastikan bahawa keselamatan airport di dalam *landing* kualitinya adalah baik sebab itulah dari segi *supervisionnya* amat ketat sekali untuk memastikan bahawa kita mempunyai sebuah lapangan terbang yang mempunyai ciri-ciri kualiti yang terbaik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mungkin betul kelewatan tersebut, lewat itu kerana empat tahun Pas memerintah 2000 hingga 2004, adakah itu yang dimaksudkan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):  
Betul tu Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya harap Ahli-ahli Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat semua supaya tidak alihkan perbincangan. Pembinaan dibuat waktu/zaman BN memerintah, zaman kita tak buat apapun. Waktu tu cadangan asal ..... (Sorakan dari pihak Kerajaan dan Penyokong Kerajaan) ..... tak Yang Berhormat Dipertua, ini suatu benda yang cuba nak *discredit*, benda yang fakta. Cadangan asalnya nak buat telahpun ditangguh, perundingan dibuat tapi dinafikan dan tidak mahu diteruskan. Jadi *start* pembinaannya ..... Saya tanya soalan, adakah benar dakwaan menyatakan pembinaan lapangan terbang ini lewat daripada jadual asal sepertimana yang telah ditetapkan oleh kerana Yang Berhormat Yang Dipertua disebutkan tadi *partial completion* dengan izin, maknanya memang sah benda ni berlaku kelewatan, saya nak tanyanya soalan tambahan saya tadi, apa faktor menyebabkan kelewatan, itu aje.



YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah, hari ini kita mendengar dan semua orang menjadi saksi bahawa wakil dari Wakaf Mempelam itu mengaku Kerajaan Pas tidak buat apa-apa .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan bahawa Projek Lapangan Terbang ini bukan bidang kuasa bawah Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Nanti saya jawab dulu .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Beri penjelasan, Jangan nak larikan fakta. Pagi-pagi cari fasal dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Marah? .....(Dewan gelak) ... Orang dengar belaka dah satni dak? Dato' Yang Dipertua, jadual penyiapan lapangan terbang ialah akhir tahun hadapan, akhir tahun hadapan dijangka siap. *Partial completion* pada akhir tahun ini, jadi dekat mana lewatnya? Jadual siapnya ialah pada akhir tahun 2008, insya Allah sebelum November. Jadi sekarang ini kita buat *partial* di terminal itu dahulu, jadi tidak ada kelewatannya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, barangkali semasa 2000 – 2004 Lapangan Terbang Sultan Mahmud tidak dapat dibuat pembesaran kerana lapangan terbang tersebut terlalu sibuk 11 penerbangan sehari pada ketika itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Cakap boleh belaka Dato' Yang Dipertua, biasanya orang yang suka bercakap tidak buat kerja macam minyak jumpa kat daratlah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Alur Limbat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Soalan yang pertama -

*Apakah rancangan kerajaan untuk mengawal hakisan pantai yang semakin serius setiap tahun terutama sekali di musim tengkujuh khususnya antara muara Sungai Terengganu dan Sungai Marang?*

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, soalannya mengenai rancangan kerajaan untuk mengawal hakisan pantai khususnya antara muara Sungai Terengganu dan Sungai Marang. Seperti kita sedia maklum hakisan pantai memang berlaku terutama pada musim tengkujuh sepanjang pantai di Negeri Terengganu. Satu kajian hakisan pantai nasional telahpun dilaksanakan pada 1985 bagi mengenal pasti tahap hakisan pantai di seluruh Negeri Terengganu. Kajian tersebut mendapati bahawa Pantai Batu Burok dan pantai dari Pelabuhan Cendering ke Sungai Marang berada pada tahap kritikal 1 iaitu kegiatan ekonomi dan harta benda telah terancam dan impak hakisan kepada sosio ekonomi ke tahap yang tidak dapat diterima.

Bagi muara Sungai Terengganu sehingga muara Sungai Ibai, kerja-kerja penambakan pantai telah dilaksanakan pada tahun 2005 dan dapat bertahan sekurang-kurangnya sehingga tahun 2012. Kawasan dari Pelabuhan Cendering sehingga Sungai Marang, satu kajian termasuk reka bentuk konsep sedang disediakan oleh pihak perunding dan kerja-kerja reka bentuk *detail* akan dilaksanakan kemudian. Dalam RMK-9, sebanyak RM7 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan kerja pengawalan hakisan pantai seperti kerja penambakan pantai, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Exco mengatakan bahawa kajian telah dibuat sejak tahun '85 dan hakisan berlaku lebih dulu daripada itu kira-kira lebih 20 tahun. Mengapa berlakunya kelambatan dalam membuat keputusan sehingga mengemuka satu projek yang betul-betul dapat mengatasi masalah tersebut.

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, kejadian hakisan pantai bukanlah pilihan manusia ia ditentukan oleh Tuhan. ....(Tepukan Sokongan) .... Jadi kemungkinan hakisan pantai yang berlaku di Pantai Batu Burok, di Cendering dan di Rhu Rendang itu satu tujuan untuk membersihkan kawasan itu. Jadi memang kajian telah dibuat pada lama dah tapi pada di antara tahun 1999 hingga 2004 itu tiada satupun telah dibuat, dia

hanya bergantung pada kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat sahaja. Jadi sejak kita dah ambil alih ini, kita dah memulakan kerja-kerja untuk mengawalkan hakisan iaitulah yang kita kata 'kita bukan cakap, kita buat'. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):** Soalan tambahan. Oleh kerana musim tengkujuh sudah hampir, apakah langkah-langkah segera yang diambil oleh kerajaan untuk menghadapi dalam jangka pendek?

**YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar):** Kita bukan sahaja menjalankan kerja-kerja untuk mengatasi masalah pada jangka pendek. Sebenarnya kita dah menambakkan pantai pada tahun 2005 yang saya kata tadi, itu akan bertahan sehingga tahun 2012, jadi bagi kawasan-kawasan lain kita dah meminta peruntukan untuk menjalankan kerja-kerja menambakkan pantai di antara muara Pelabuhan Cendering sehingga ke Sungai Marang. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):** Soalan tambahan. Oleh kerana khusus bagi muara Sungai menghadapi keceletakan yang menjadi masalah kepada nelayan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut?

**YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar):** Dato' Yang Dipertua, saya rasa Wakil Rhu Rendang itu ketinggalan zaman. Di muara Sungai Marang itu, penahan pemecah ombak itu sudah lama dibina dan di muara Kuala Terengganu ini kita sedang dalam pembinaan yang itu akan selesaikan masalah-masalah nelayan ke laut. Sekian, terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):** Yang Berhormat duduk di rumah, Yang Berhormat tidak pergi tengok sendiri muara itu mengalami keceletakan. Perlu diatasi untuk mengatasi masalah nelayan. Itu soalan saya, jangan jawab lepas tangan begitu.

**YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar):** Kalau nelayan dekat Marang memang takdok masalah sampai sekarang, pada zaman Pas dulu mungkin ada masalah. Jadi sekarang kalau kita nak keluar daripada muara Sungai Marang tu pada musim tengkujuh pun takdok masalah kerana adanya pemecah ombak itu jadi tak ada masalah untuk keluar ke laut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Langkap mengemukakan soalan -

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahma-nirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang sudah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ancaman gajah liar terhadap tanaman para petani di kawasan pedalaman semenjak 2004 hingga sekarang?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menjawab kepada soalan wakil dari Langkap, saya memohon juga untuk terus menjawab kepada soalan yang dikemukakan oleh Wakil Kuala Berang mengenai perkara yang sama iaitu soalnya besok.

Dato' Yang Dipertua, masalah gangguan gajah di Terengganu. Sukacita saya memberi maklumat awal bahawa untuk pengetahuan bersama populasi gajah yang ada di Terengganu sekarang ini melebihi daripada keupayaan iaitu dengan Hutan Simpan Kekal seluas 5,189.83 kilometer persegi hanya dapat menampung lebih kurang 100 ekor gajah sahaja. Manakala gajah yang ada di Terengganu mengikut aduan antara 180 hingga 240 ekor. Jadi masalah konflik serius di antara gajah dan manusia di Terengganu telah lama bermula terutama apabila aktiviti pertanian giat dijalankan. Jadi konflik mula meruncing apabila lebih luas kawasan hutan dibuka untuk terutamanya tanaman kelapa sawit dan tanaman kelapa sawit ditanam kebanyakan adalah melalui laluan utama gajah. Jadi bagi mengatasi gangguan gajah yang terdapat di Terengganu, ada beberapa kaedah telahpun disediakan ataupun dilakukan oleh jabatan. Yang pertamanya, dengan keadaan memberi khidmat nasihat. Khidmat nasihat bererti kalau tindakan tidak dapat dilakukan dengan serta merta maka pegawai-pegawai akan pergi ke tempat di mana berlakunya aduan dan akan memberi nasihat-nasihat yang perlu dijalankan oleh pengusaha ataupun yang terlibat dengan gangguan. Perkara yang kedua, yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah dengan menangkap pindah. Menangkap pindah iaitu dengan menggunakan tembak pelali adalah kaedah yang digunakan bagi mengatasi masalah gangguan gajah dan semua hidupan liar yang lain termasuklah yang dibangkitkan oleh wakil dari Kuala Berang iaitu kera dan juga lain-lain haiwan yang boleh merosakkan tanaman. Perkara yang ketiga, iaitu dengan menembak halau. Tembak halau merupakan tindakan kawalan yang biasa dijalankan apabila

kawasan gangguan berhampiran dengan kawasan hutan yang luas, ini memberikan peluang kepada gajah-gajah untuk terus hidup di kawasan yang lebih bersesuaian dengan habitat mereka. Dan kaedah yang keempat ialah dengan membuat pagar elektrik dan parit. Pagar elektrik dan parit akan diseliaikan oleh jabatan bagi menentukan bahawa pagar elektrik dan parit ini tidak berbahaya kepada manusia.

Dato' Yang Dipertua selain daripada itu, adalah juga dinasihatkan supaya kawasan-kawasan gangguan gajah liar dan haiwan-haiwan adalah perlu diselaraskan di peringkat daerah untuk menentukan bahawa kelancaran tindakan ini tidak merugikan dengan cara yang lebih luas maka tindakan awal untuk memaklumkan kepada jabatan perlu dibuat laporan oleh peladang-peladang atau pekebun-pekebun yang terlibat dengan serangan gajah. Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kos penangkapan pindah seekor gajah, yang pertamanya kalau kos menangkap sahaja kita memerlukan sebanyak RM17,962.00 untuk seekor manakala kos memindah seekor gajah ialah memerlukan sebanyak RM22,952.40 menjadikan untuk memindah seekor gajah sebanyak RM40,914.40. Ini merupakan satu kos yang sangat tinggi. Walau bagaimanapun, perkara gangguan gajah, kerajaan telahpun memandang serius kerana kebanyakan hasil telahpun dirosakkan oleh gajah-gajah liar dan anggaran jumlah kerugian yang dicatatkan pada tahun 2005 sehingga 2007 adalah sebagaimana berikut:-

Tahun	Bilangan Aduan	Jumlah Kerugian (RM)
2005	184	0.695 juta
2006	100	1.27 juta
2007	95	0.756 juta

dan tiga tahun jumlahnya 2.478 juta.

**YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap):** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Di antara langkah-langkah yang diterangkan tadi, apakah langkah yang didapati paling berkesan mengatasi masalah ini?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):** Semua langkah-langkah yang telah disebut tadi merupakan langkah bersepadu dan berkesan dan perlu dibuat serentak.

**YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap):** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan peruntukan khas sebagai pampasan kepada petani-petani yang terlibat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada soalan tersebut. Setakat ini mana-mana gangguan gajah yang terlibat hendaklah dimaklum kepada Jabatan Pertanian bagi membolehkan Jabatan Pertanian membantu dari segi menilai kerosakan dan akan terus diberi bantuan melalui Dana Khas. Untuk makluman Yang Berhormat Wakil Langkap, saya difahamkan setakat ini Pengarah Pertanian belum lagi menerima sebarang aduan mengenai kerosakan ini, hanya Perhilitan sahaja yang dilaporkan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Tidakkah kerajaan bercadang untuk mengisytiharkan kawasan musuh tanaman gajah ini sebagai kawasan darurat kerana kita merasakan bahawa gajah-gajah sekarang ini telah nampak berkeliaran sampai ke kampung-kampung. Tapi langkah yang kita buat setakat ini saya nampak tidak berkesan lagilah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, setakat ini gangguan gajah tidaklah melampaui batas-batas ketakutan, jadi sebab itu kerajaan tidak bercadang untuk mengisytiharkan kawasan darurat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan 1 –

*Sejauh manakah kejayaan Program Hafazan yang telah dicapai oleh Sekolah Imtiaz seluruh Negeri Terengganu mulai penubuhannya sehingga kini?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Ahli-ahli Dewan sekalian. Adapun di dalam menjawab soalan yang pertama yakni sejauh manakah kejayaan Program Hafazan yang telah dicapai oleh Sekolah Menengah Imtiaz seluruh Negeri Terengganu.

Alhamdulillah, setakat ini kejayaan program ini cukup baik sekali. Ada empat buah Sekolah Menengah Imtiaz, satu di Besut, di Kuala Berang, di Kuala Terengganu dan jugak di Dungun. Di mana kita mencapai sasaran 70 peratus,

sasaran kita ialah untuk pelajar-pelajar ini menghafaz satu hari satu helai, satu bulan satu juzuk dan satu tahun 10 juzuk dan lebih kurang 70 peratus telah mencapai kejayaan ini. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua Dewan. Tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri yang telah mencorakkan satu program yang sebelum ini belum pernah diadakan. Cuma saya ingin dapat penjelasan, apakah acuan dan model yang akan dibentuk kepada pelajar-pelajar ini dalam bidang/profesion mereka pada masa hadapan?

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Terima kasih. Oleh kerana Program Ulul Albab ini belum ada lagi di tempat lain, jadi kita sedang mengorak langkah model kita sendiri. Yang pertama, dari segi penguasaan bahasa; bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Yang kedua, dalam bidang sains dan matematik. Yang ketiga, penguasaan hafazan Quran. Yang keempat, tafsiran. Yang kelima adalah cemetan antara sains dan Quran untuk melahirkan ahli yang berfikir. Ini adalah kaedah baru untuk mencipta Ulul Albab.

**YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh):** Dato' Yang Dipertua, minta penjelasan. Setakat ini dalam proses untuk kita melaksanakan program di Sekolah Imtiaz, menghafaz Al-Quran, ada atau tidak dapatan yang kita dapati bahawa persoalan kita membawa usul menghafaz Al-Quran ini mengganggu mata pelajaran atau akademik pelajar-pelajar yang berada di Sekolah Imtiaz, minta pandangan?

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Di Sekolah-sekolah Imtiaz ini kita melaksanakan Program KBSM yang diwajibkan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Yang kedua, Program Hafazan – Pemahaman. Sebab itu sekolah-sekolah ini mengguna pakai yang dipanggil istilah anjal, tidak ikut pagi dia kena matematik begitu tidak. Dia anjal, jadi pagi dimulakan dengan hafazan Quran, lepas itu kita mulakan dengan matematik dan lain-lain subjek. Jadi tidak sama dengan sekolah-sekolah yang biasa, yakni yang menggunakan 100 peratus Program KBSM dan tidak mengganggu pelajar-pelajar. Ini didapati dengan prestasi pelajar-pelajar sekolah ini dari segi akademik cukup memberangsangkan.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya difahamkan oleh kerana sesetengah pelajar yang masuk ke Sekolah Imtiaz ini

bila kena hafal Quran tapi sampai ke satu peringkat dia tak boleh pergi, nak hafal Quran itu dia tidak boleh pergi, akhirnya berhenti mintak tukar sekolah. Berapa pelajar yang seumpama itu terlibat sehingga sekarang?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Untuk makluman Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, untuk masuk ke sekolah ini kita tapis dahulu. Yang pertama, UPSR 5A. Yang kedua, dari segi pengajian Qurannya sendiri asas Quran semasa di sekolah rendah, ini dua kriteria yang kita buat untuk masuk ke sekolah ini. Kemudian *start* hari yang pertama kita terus dengan Program Hafazan Quran. Memanglah ada kadangkala terdapat pelajar yang sedikit lambat untuk menguasai atau menghafaz, yang lain-lain laju. Sebab itu saya kata bahawa secara purata kejayaan kita adalah 70 peratus, yang dapat misalnya 10 juzuk dia boleh 6 hingga 10, yang 30 peratus lagi bawah pada 10, 2 ke 6 begitu. Dan mereka ini diberi satu bentuk latih tubi supaya mereka dapat mengejar pelajar-pelajar yang telah maju tadi. Ini yang kita buat tetapi memang ada satu-dua yang tidak sama dengan orang lain, itu kita akui tetapi kita membuat kelas-kelas tambahan untuk mereka ini, insya Allah dan sedang dibuatpun.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang kedua -

*Berapakah jumlah remaja maut di dalam kemalangan jalan raya bermula Januari 2007 hingga 31 Julai 2007?*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 2 wakil daripada Jabai berbunyi - Berapakah jumlah remaja maut di dalam kemalangan jalan raya bermula Januari 2007 hingga 31 Julai 2007 (yakni 6 bulan pertama pada tahun ini)? Untuk menjawab soalan ini suka saya maklumkan mengikut statistik yang diperolehi daripada pihak Polis Negeri Terengganu iaitu di mana mereka yang terlibat dengan kemalangan maut untuk remaja berusia antara 16, kategori remaja adalah berumur antara 16 hingga 30 tahun adalah berjumlah 68 orang. Di mana pada Januari - 6 orang, Februari - 10 orang, Mac - 11 orang, April - 15 orang, Mei - 9 orang, Jun - 9 orang dan Julai seramai 8 orang dan jumlah keseluruhannya adalah seramai 68 orang berbanding dengan jumlah keseluruhannya adalah seramai 133 orang. Dan antara kenderaan yang paling banyak sekali terlibat kepada kemalangan maut ini adalah terdiri dari motosikal iaitu sebanyak 60 buah dan kereta sebanyak 7 buah dan lain-lain sebuah. Di kalangan 60 buah ini bukanlah mereka yang terlibat kepada gejala Mat Rempit



sebagaimana yang dikatakan dahulu. Alhamdulillah, di Terengganu sudah tidak nampak lagi gejala Mat Rempit ini atau perlumbaan dalam kelompok yang besar di Terengganu ini. Jadi walaupun berlaku 60 orang daripada kalangan mereka sebagai penunggang motosikal tetapi bukan daripada kalangan yang Mat Rempit, ini adalah maklumat yang kita perolehi.

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua Dewan. Apakah program yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan bagi mengurang jumlah kemalangan di kalangan remaja kita?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi):** Program ini memang program cukup terbuka, apa-apa sahaja program yang boleh menghindarkan mereka melibatkan diri kepada program-program yang tidak sihat. Kita adakan program bersukan, program berpersatuan dan sebagainya. Dan selain daripada itu, program kempen juga kita adakan, Kempen Keselamatan Jalan Raya sama ada digerakkan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya, oleh agensi-agensi kerajaan dan termasuk juga penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pihak penguatkuasa termasuk Jabatan Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain yang berkaitan dan ini insya Allah akan boleh mengurangkan berlakunya kemalangan di peringkat negeri kita di Terengganu ini walaupun kenderaan kita bertambah.

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga memohon penjelasan. Daripada 68 orang remaja yang berumur 16 hingga 30 tahun yang meninggal bermula daripada Januari 2007 hingga 31 Julai 2007, berapakah daripada jumlah tersebut keluarga mereka mendapat pampasan daripada skim perlindungan insuran?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi):** Soalan ini kena beri notis tetapi walau macam manapun kebanyakan kenderaan ini adalah yang dilindungi oleh insuran, insya Allah adalah pampasan yang diberi tetapi kalau nak secara *detail* kena beri notislah sebab ini soalnya lebih teknikal.

**YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Wakil Jabi, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan 1 -

*Adakah Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) mempunyai pangkalan data peniaga-peniaga yang dilesenkan untuk meningkatkan sistem penyampaian?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu atau MPKT memang mempunyai sistem pangkalan data berkomputer untuk semua-semua peniaga-peniaga yang dilesenkan di kawasan Majlis berdasarkan jenis-jenis perniagaan yang dijalankan. Pangkalan data ini mempunyai maklumat-maklumat peniaga-peniaga yang berlesen seperti nama, jenis perniagaan, nombor fail pelesen dan lokasi boleh diperolehi melalui sistem bersepadu Pihakberkuasa Tempatan yang digunakan oleh MPKT. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalaulah betul apa yang diberitahu, mengapa MPKT tidak memberi maklumat tersebut dalam bentuk disket ataupun CD sebagaimana Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman hebat mereka memberi dalam bentuk CD mengikut pecahan sektor, sektor pemakanan, sektor peruncitan dan sebagainya tetapi apa yang dipraktikkan oleh MPKT hari ini masih secara manual, kita diberi secara bertulis. Jadi saya pohon penjelasan dan bilakah MPKT bercadang untuk melaksanakan TEG (Terengganu Electronic Government). Pohon penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Terengganu Electronic Government (TEG) sekarang ini sedang dibangunkan oleh pihak MPKT selaras dengan kehendak kerajaan kerana pelantikan konsultan TEG ini dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk keseluruhan pihak PBT. Yang kedua, memang diakui bahawa sistem maklumat yang dipakai oleh Kemaman adalah lebih terkini daripada MPKT kerana Kemaman mempunyai peruntukan kewangannya yang tersendiri. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Bagaimanakah MPKT memantau dan menilai prestasi perusahaan yang berdaftar dari segi pematuhan terhadap polisi dan peraturan yang telah digariskan?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pemantauan dari segi polisi dijalankan dari masa ke semasa

menerusi penguatkuasaan dan juga Bahagian Pelesenan MPKT dan sekiranya berlaku apa-apa kesalahan, tindakan-tindakan dilakukan berasaskan peruntukan yang sedia ada. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir):  
Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan 2 -

*Mengapakah pelajar di bawah skim bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) tidak cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2004 hingga 2006?*

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan, soalan yang kedua ingin tahu mengapakah pelajar-pelajar di bawah skim bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin atau KWAPM tidak cemerlang dalam peperiksaan UPSR?

Jawapannya ialah objektif skim bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) ialah untuk memastikan bahawa tidak ada murid yang tercicir, yang tidak bersekolah kerana kemiskinan yakni murid-murid miskin yang pendapatan isi keluarganya kira-kira RM530.00 atau di bawah perkapita 106.00 ke bawah. Jadi bantuan ini diberi tidak dinilai dari segi prestasi akademik cuma dari segi kemiskinan ataupun tahap pelajar-pelajar itu sendiri sebab itu ada mereka yang baik ada juga terdapat yang tidak baik. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, rata-rata ahli ekonomi mengatakan bahawa senjata utama untuk membasmi kemiskinan adalah melalui pendidikan dan latihan dan apakah langkah susulan daripada Jabatan Pendidikan Negeri bagi memastikan kecemerlangan pelajar-pelajar tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih Yang Dipertua. Yang pertama, ialah pastikan pelajar-pelajar pergi ke sekolah terlebih dahulu, itulah yang pertama. Yang kedua, meningkatkan keupayaan dari segi akademik. Yang ketiga, bantuan supaya mereka terus dapat belajar. Yang pertama tadi ialah dengan Bantuan KWAPM. Yang kedua, pastikan mereka berjaya sebab itu dalam sekolah-sekolah Negeri Terengganu hari ini, rendah dan menengah kesemua dibantu oleh satu kumpulan wang dana untuk memastikan bahawa Peperiksaan UPSR, PMR dan SPM itu cemerlang. Jadi bantuan telah diberi oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah-

sekolah untuk memperhebatkan pencapaian di sekolah-sekolah. Inilah yang kita buat sekarang.

**YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi):** Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan. Dalam memberi bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) ini, di peringkat sekolah rendah terutamanya arahan daripada jabatan telah dikeluarkan agar jawatankuasa itu juga dianggotai oleh Jawatankuasa PIBG Sekolah tetapi apa yang mendukacitakan sebahagian besar sekolah-sekolah rendah tidak mengambil kira arahan ini. Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh jabatan sekiranya perkara ini masih lagi berterusan?

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Perkara inipun di dalam perhatian Jabatan Pelajaran Negeri yang juga memantau sekolah-sekolah yang tidak mengikut kaedah-kaedah itu tadi.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir):** Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Manir mengemukakan soalan.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

*Adakah benar Kerajaan Negeri Terengganu telah mendaftarkan Sekolah-sekolah Menengah Agama di bawah pentadbirannya dengan Kementerian Pelajaran Malaysia?*

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang benar Kerajaan Negeri yakni melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu Bahagian Pendidikan telah mendaftar Sekolah-sekolah Agama di bawah pentadbirannya dengan Kementerian Pelajaran Malaysia.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah tujuan dan matlamat pendaftaran itu dibuat?

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pendaftaran ini dibuat tarikhnya

ialah pada 1.1.1998 sebanyak 11 buah sekolah pada waktu itu. Dengan bertujuan untuk melayakkan menerima Skim Pinjaman Buku Teks Kementerian Pelajaran Malaysia seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri ketika itu tahun '98, 1.1., *the exact date* ataupun tarikh tepatnya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, setelah satu MOU ditandatangani bagi pendaftaran ini, apakah status Sekolah-sekolah Menengah Agama di bawah Kerajaan Negeri itu sekarang ini, apakah dia di bawah Kerajaan Persekutuan atau di bawah Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Jawab dia mudah aje. Sekolah Menengah Agama yang ada sekarang ini masih di bawah Kerajaan Negeri, bangunannya - bangunan Kerajaan Negeri, tanahnya - tanah Kerajaan Negeri, semua sekali Kerajaan Negeri tapi dia beri buku teks kita ambillah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, bagaimana dengan kurikulum, pentadbirannya?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Saya tak nampak Pengetua ke, pentadbiran yang ada sekarang ini di Sekolah Menengah Agama Negeri kepunyaan Kerajaan Pusat, semuanya kepunyaan Kerajaan Negeri.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, saya tak tanya nampak tak nampak? Saya tanya benda lain, saya tanya bagaimana, pentadbirannya di bawah siapa, kurikulum di bawah siapa? Jadi saya tak tanya nampak ke dok tu.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dia tak nampak. Jadi jawapannya mudah sahaja. Sekarang ini 10 buah Sekolah Menengah Agama ini masih ditadbirkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri, masih lagi diuruskan oleh mereka dan dibantu jugak oleh pihak Kementerian Pelajaran sebab itu saya nak beritahu, namanya Sekolah Agama Negeri nama dia, tetapi melaksanakan kurikulum KBSM, Kerajaan Pusat. Dia tak buat KBSM Kerajaan Negeri, dia tak dok yang buat Kerajaan Pusat, di bawah Kubang Lembek, Allahuwa'lam. Tetapi Kerajaan Negeri dari segi pelaksanaan kurikulum Kerajaan Pusat dilaksanakan campur dengan hak lain,

hak itu kurikulum yang hak Kerajaan Negeri buat sendiri tu, Hafazan Quran dan dua-tiga subjek agama lain yang tidak termasuk di dalam sistem KBSM yang biasanya ditawarkan di Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan Pusat.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Difahamkan tadi, disebut tadi bahawa masih di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri tapi ada program-program bawah Kementerian yang *direct* kepada sekolah tanpa pengetahuan Pejabat Agama dan kita nak tahu kedudukan sekarang ini ke mana Bahagian Pendidikan Pejabat Agama, hala tuju dia, adakah hendak ditutup dan pegawai-pegawai terlibat itu akhirnya diserapkan ke sekolah-sekolah dan bila opsyen kepada guru-guru yang dikatakan akan diserahkan kepada Kementerian akan diberi?

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Bila pulak nak serah? Tidak serah dan pihak Kementerian selalu berhubung dengan saya selaku Exco Pendidikan Negeri. Saya beritahulah kepada guru-guru pergilah kalau nak buat latihan, pergi. Nak buat ceramah pergi. Nak buat peningkatan kualiti guru pergi. Itu aje, kita ada hubungan baik dengan Kerajaan Pusat jadi tak ada masalah dari segi ini. Tidak timbul soal jual-menjual atau serah ini tidak timbul langsung yang timbulnya ialah Kerajaan Pusat bermurah hati untuk membantu kita, kita terima ajelah.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya tidak tanya jual ke tidak, guana yang cepat sangat jawab tak jual tu? Yang saya nak tanya, apa keuntungan dari sudut kewangan ataupun lain-lain atau implikasi kewangan terhadap pendaftaran ini?

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Lama dah khabor yang didaftar ini bukan sekarang tahun 1998 dulu lagi. Lama dah, masa Yang Berhormat jadi Exco Pendidikanpun tahu jugak benda ini kerana Yang Berhormat jadi Exco tahun 2000, tahu dah, jadi tak payah jawabpun tahu dah benda ini, maknanya didaftar tahun 1998 kecuali Yang Berhormat tidak tahu benda ini berlaku, itu ajelah.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, hak saya tahu tu macam lagu lain tak macam sekarang ni. Saya nak tanya hak sekarang ni, hak dulu saya tahu dah. Jadi sebab itu saya tanya, kalau dulu Kerajaan Negeri umpamanya berbelanja RM35 juta setahun untuk Sekolah-sekolah Agama sebagai contoh. Sekarang ini implikasi kewangan RM35

juta itu Kerajaan tak berbelanja lagi atau berbelanja lebih atau ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan? Yang kita tinggalnya sekadar bangunan, tanahnya sahaja. Itupun setakat ini dikatakan oleh Exco Pendidikan itu tadi, setakat ini tu setakat mana tak tahulah, tahun depan ke, tahun sekali lagi ke.....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):** Minta penjelasan Dato' Yang Dipertua, wakil dari Manir dia kata berbelanja RM35 juta untuk Sekolah Arab/Agama Negeri. Yang saya faham Kerajaan Pusat beri RM52 juta kepada Sekolah Agama tetapi diambil oleh Kerajaan Negeri.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu beri selepas itu, kita belanja sendiri, setelah Kerajaan Pusat tak bagi duit kat kita, duit minyak kita dia beri kat situ, itu dari sudut pentadbiran, kita bayar tak dok seorangpun orang tak terima gaji masa kita memerintah, tak ada, elaun, tambahan boleh lagi.

Saya nak tanya kedudukan sebenar apakah ini suatu penyerahan, apakah terma-terma di dalam MOU yang ditandatangani oleh pihak Setiausaha Kerajaan Negeri atau sesiapa yang bertanggungjawab bersabit dengan sekolah ini?

**YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Ini kali yang berapa dah dia tanya tentang MOU di antara kita dengan Kerajaan Pusat. Saya ingat rujuk kepada jawapan saya pada sidang yang lepas.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini jawapan tak habis, cuma yang saya tanya KUSZA ada harta banyak mana, macam mana berkira? Tak sudah lagi. Kita tanya sebab? Tak sudah lagi. Semuanya tak sudah. Ini 'kerajaan tak sudah'.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah benar Kerajaan Kelantan serah jugak Sekolah Menengah Agama Rakyat ini ke Kerajaan Pusat?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bukan wakil Kerajaan Kelantan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):** Saya tak tanya Wakil Manir, saya tanya wakil daripada Bukit Payong. ...(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Doksoh caralah Kelantan tu dokrok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jadi wakil tu boleh jawab bagi pihak Kerajaan Kelantan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dok. Sebab Dato' Yang Dipertua, semalam keluar dalam surat khabar bahawa Kerajaan Kelantan serah jugak Sekolah Menengah Agama ini kepada Kerajaan Pusat, itu aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Manir, sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Maknanya Kerajaan ini serahlah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Manir, sila pergi ke soalan nombor dua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan nombor dua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

*Nyatakan peluang-peluang pekerjaan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk rakyat negeri ini sejak Jun 2004 hingga Julai 2007?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Soalan nombor dua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat ini peluang-peluang yang didaftarkan di bawah Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu sejak Jun 2004 sehingga Julai baru-baru ini, 2007 sebanyak 24,089 pekerjaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang mendaftar atau yang mendapat kerja, saya tak berapa faham ni?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Jadi soalnya berbunyi - Nyatakan peluang-peluang pekerjaan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk rakyat negeri ini sejak Jun 2004 hingga Julai 2007? Ini soalan dia. Nyatakan peluang-peluang. Maka jawabnya ialah peluang-peluang pekerjaan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Jabatan Tenaga Kerja Negeri ialah 24,089 pekerjaan. Saya ingat ....



YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tanya peluang-peluang pekerjaan yang disediakan oleh kerajaan, kalau 24,000 ke, 50,000 ke? Apakah sudah dipenuhkan atau belum ataupun tidak ada lagi?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Saya sudah jawab soalan itu tadi Dato' Yang Dipertua, ikut tepat, ikut Dewan Bahasa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dalam kamus mana? Saya tanya yang disediakan oleh kerajaan bukan yang didaftar. Kalau sedia 300 orang daftar 15 itu lain. Kamus mana?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Dipertua, saya ingat jawapan saya cukup tepat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih Dato' Yang Dipertua di atas kebijaksanaan Exco itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Manir dan saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama saya -

*Apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dalam memastikan tahap kebersihan sungai, pantai dan dasar laut di negeri ini semenjak 2004 hingga sekarang?*

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan mengenai usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dalam memastikan tahap kebersihan sungai, pantai dan dasar laut di Negeri Terengganu semenjak 2004 hingga sekarang.

Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan telah dan sedang berusaha untuk memastikan tahap kebersihan bagi semua sungai, pantai dan dasar laut di Negeri Terengganu ini dikawal dan dipertingkatkan. Sebagai contoh, pemantauan ke atas kualiti air bagi semua limbungan sungai di Negeri Terengganu dibuat secara berkala oleh Jabatan

Alam Sekitar. Di samping kerja-kerja pemantauan kualiti air, penguatkuasaan kesedaran mengenai pentingnya menjaga kualiti air sungai sebagai tanggungjawab bersama sedang giat dijalankan. Di samping itu, kerajaan juga memberi fokus kepada kerja-kerja mendalamkan sungai dan memperindahkan tebing-tebing sungai melalui program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri untuk membersihkan dan mengindahkan sungai di negeri kita. Bukan sahaja kita melaksanakan Program Satu Negeri Satu Sungai tetapi kita telah perluaskan program itu dan menjadikan Kempen Satu DUN Satu Sungai untuk menjaga kebersihan sungai kita seperti komen Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar mengenai sungai kita yang bersih. Melalui kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pihakberkuasa Tempatan, kerja-kerja pembersihan dan pengindahan semua pantai telahpun dijalankan sepanjang masa dan Kerajaan Negeri amat serius juga mengenai menjaga kebersihan pulau-pulau dan pengairan Taman Laut. Di bawah Unit Taman Laut, kita telah menjalankan sebanyak 34 "beach clean up" ataupun pembersihan pantai di Pusat Taman Laut Pulau Redang dan 3 "beach clean up" masing-masing di Pusat Taman Laut, Tuna Bay serta Pasir Panjang, Pulau Perhentian pada tahun ini.

Kerajaan Negeri bersama United Nation Development Programme atau UNDP dan Taman Laut akan menganjurkan satu pembersihan dasar laut dengan kerjasama pengusaha chalet, pihak-pihak swasta pada bulan September 2007 ini dan program ini akan dijalankan secara besar-besaran dan melibatkan kesemua *stakeholders* di Pulau Redang buat pertama kalinya pada tahun 2007 di Pulau Redang. Program ini akan dijalankan secara berkala mulai tahun ini untuk memastikan kebersihan dan keindahan pantai serta dasar laut yang menjadi tumpuan kepada pelancong. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Soalan kedua saya –

*Apakah perancangan projek negeri mengenai 'Aqua Agro Tourism' di kawasan Hulu Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua adalah berkaitan dengan perancangan projek di kawasan Hulu Terengganu, projek mengenai 'Aqua Agro Tourism' di kawasan Hulu Terengganu.

Pada masa ini Kerajaan Negeri telah bersetuju pada umumnya untuk menggunakan tema 'Aqua Eco Tourism' bagi pembangunan di Hulu Terengganu khususnya di kawasan Tasik Kenyir. Oleh itu semua pembangunan yang berkaitan dengan pelancongan di sini adalah berkisar selaras dengan tema yang telah diberikan. Pada masa ini Kerajaan Negeri melalui Ketengah telah melaksanakan projek berasaskan akuakultur iaitu Zon Industri Akuakultur di Sungai Como dan 2 buah Santuari Kelah di Sungai Petang dan di Sungai Petuang. Kerajaan Negeri juga telah bersetuju meluluskan pembinaan sebuah resort berasaskan eco-tourism di atas tanah kerajaan seluas lebih kurang 300 ekar yang mengandungi lebih kurang 500 buah bilik semuanya di sekitar Tasik Kenyir.

Dari segi perancangan pula, pembangunan Tasik Kenyir adalah berkisar kepada pembinaan Laluan Gua Musang – Lojing – Kuala Berang. Satu perancangan pembangunan yang teliti telah dilaksanakan dan pelaksanaan ini tidak akan memusnahkan alam semulajadinya yang merupakan tarikan utama kawasan Tasik Kenyir ini. Pada masa ini, KETENGAH sedang menyediakan Pelan Induk Pembangunan Tasik Kenyir dengan mengambil kira kewujudan Laluan Gua Musang – Lojing – Kuala Berang sebagai pemangkin utama pembangunan di kawasan tersebut. Dan kerajaan juga telah mengenal pasti beberapa projek pembangunan di kawasan tersebut termasuklah, pertamanya untuk membina pintu masuk kedua ke Tasik Kenyir. Kedua, Pembinaan beberapa tempat rehat di sepanjang laluan berkenaan. Yang ketiganya, pembinaan sebuah Taman Mini Safari yang dilengkapi dengan *canopy walk* di Sungai Ketiar. Dan akhir sekali, pembinaan sebuah Taman Burung Kuang di Pulau Terengganu Mati juga di Tasik Kenyir. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Soalan tambahan. Semasa Pas memerintah Terengganu dahulu ada tak benda-benda begini, projek-projek begini hak nak buat semasa Pas memerintah dahulu, boleh jelas sikit?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat yang tahu tak adalah, ini baru nak buat ni.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Mana Wakil Cukai tahu semasa Pas memerintah dahulu. Kalau dia tanya kita baru kita khabor.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walaupun saya tak dok masa tu tapi saya mengikuti perkembangan semasa itulah, dokrok sungguh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ikut perkembangan di laut, kita memerintah di darat, dia pergi laut main kapal, mana dia tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Kita pakai teropong, *telescope*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, burung kuang tu tak dang kerajaan peliharapun, rakyat biasa sahaja boleh buat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau rakyat biasa masa zaman Paspun tak dok macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dekat Batu Burok nak tengok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

*Sila maklum bilangan pemberian bantuan bot fiber subsidi kepada nelayan Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah bagi tahun-tahun 2005 hingga 2007 dan jumlah kos pembiayaan bagi rancangan tersebut?*

Wakil Bandar): I  
manusia ia dite  
nan haluan par  
nu Ren Ang itu  
kajian telah dit  
itu ia di setiap

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):  
Dato' Yang Dipertua, pada tahun 2005 pecahan bantuan adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Bil. Penerima	Jumlah (RM)
1.	Kemaman	24	240,000.00
2.	Dungun	17	170,000.00
3.	Marang	29	290,000.00
4.	Kuala Terengganu	58	580,000.00
5.	Setiu	14	140,000.00
6.	Besut	5	50,000.00

Jumlah pada tahun tersebut ialah RM1.470 juta. Manakala bantuan pada tahun 2006:-

Bil.	Daerah	Bil. Penerima	Jumlah (RM)
1.	Kemaman	20	180,000.00
2.	Dungun	22	198,000.00
3.	Marang	35	315,000.00
4.	Kuala Terengganu	90	810,000.00
5.	Setiu	23	207,000.00
6.	Besut	41	369,000.00

Manakala pada tahun 2007:-

Bil.	Daerah	Bil. Penerima	Jumlah (RM)
1.	Kemaman	41	369,000.00
2.	Dungun	10	90,000.00
3.	Marang	-	-
4.	Kuala Terengganu	-	-
5.	Setiu	-	-
6.	Besut	-	-

Tidak ada di daerah lain yang melibatkan jumlah RM459,000.00. Dato' Yang Dipertua, jumlah keseluruhan penerima bot fiber bagi tahun 2005 hingga 2007 seramai 429 orang dan jumlah kos pembiayaan bagi rancangan tersebut iaitu bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah sebanyak RM4,008,000.00.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan membuat kajian sejauh mana bantuan-bantuan ini telah berjaya menaikkan taraf dan sosio ekonomi nelayan-nelayan yang berkaitan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, kerajaan memang membuat pemantauan dan seperti yang telah dimaklumkan kepada kita bahawa nelayan-nelayan yang menerima bantuan ini telahpun meningkat pendapatannya. Bahkan bukan itu sahaja tetapi telahpun membuat penukaran daripada injin 15 kuda kepada 60 kuda bererti mereka telahpun berjaya dan statistik ini kita simpan sebagai panduan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Adakah benar dakwaan yang mengatakan sebahagian daripada nelayan-nelayan ini mengambil jalan mudah menjual bot-bot yang diberi itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Ada dua kaedah. Yang pertama, ia menjual bot yang diberi bantuan dan membeli bot yang lebih besar, itu yang kita benarkan. Yang kedua, yang menjual bot kerana kesusahan itu kita tidak ada halangan sebab ia susah sebab bot tersebut bot dia dan kalau dia susah, harta ada takkanlah dia nak berlapar begitu sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bila dia susah, dia miskin, terkandas dia jual bot dia, apa jadi kepada manusia ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tujuan kita beri bantuan untuk membantu kesusahan mereka, jadi apa yang ada kepada mereka bantuan tersebut hendaklah digunakan oleh mereka. Jadi jual merupakan satu jalan penyelesaian untuk menghindarkan mereka daripada menanggung kesusahan dan itu merupakan perkara yang baik bagi dia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan saya .....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya, jalan saya ....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Jalan saya, nanti dulu. Nanti dulu kejap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat, duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya belum habis lagi tadi. Saya kata dia dah miskin, dia terkandas hidup, tiba-tiba bantuan yang diberi dijual, *one-off*. Apa jadi kepada manusia yang seumpama ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, satu-dua yang kita kenal pasti yang menjual bot tidakpun susah, kehidupannya macam biasa sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Ada tak kes nelayan-nelayan miskin ini jual bot untuk beri derma kepada ceramah-ceramah politik?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Jadi subsidi bot ni beri ke ceramah politik Umno jugak? Takkanlah duit hak orang miskin ini ambil pulak untuk ceramah politik Umno?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Aah, jangan buat kura-kura dalam perahu, pura-pura tak tahu. Ceramah politik hak jaja supit rokrak tulah, hak Pas duk jaja tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Orang subsidi ni bukannya orang Pas, tak boleh nak baupun tak boleh. Haa ... itu dia.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ramai orang Pas boleh di sepanjang Rhu Rendang sebab selama ni Kerajaan Pas dok cara sebab itu semasa Kerajaan Barisan Nasional dia ambil tahu semua tanpa mengira fahaman ideologi orang-orang tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, dok payah balah banyak benda gitu tu. Sebenar sekalnya yang dia jual mungkin kesempatan dan saya difahamkan tidak adalah beri derma apa-apa.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya nak tahu sama ada subsidi bagi bot fiber ni terhad untuk nelayan pantai sahaja ataupun diberi jugak kepada nelayan sungai?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Setakat ini kita beri kepada nelayan pantai, walau bagaimanapun ada satu-dua kes yang nelayan sungai memohon kita ada beri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Besut mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

*Berapa luaskah kawasan tanaman padi yang aktif seluruh Negeri Terengganu mengikut daerah pada masa ini?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, soalan mengenai tanaman padi yang aktif seluruh Negeri Terengganu. Sukacita saya memaklumkan bahawa keluasan yang aktif tanaman padi di Terengganu sehingga Disember 2006 adalah seluas 9,181 hektar ataupun 22,686.71 ekar bagi tanaman padi dalam musim. Manakala 7,777 hektar ataupun 19,217.35 ekar bagi tanaman luar musim. Mengikut pecahan adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Daerah	Dalam Musim (hektar)	Luar Musim (hektar)
1.	Besut	6,944	6,534
2.	Dungun	6	-
3.	Hulu Terengganu	135	185
4.	Kemaman	118	

Manakala luar musim .....



YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum kita nak jelas apakah maksud 'dalam musim' dan 'luar musim' itu, 'dalam – luar'?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Tepoh, nanti saya habis jawab dulu baru saya jelaskan.

Bil.	Daerah	Dalam Musim (hektar)	Luar Musim (hektar)
5.	Kuala Terengganu	1,490	40
6.	Marang	344	-
7.	Setiu	144	835

Untuk makluman Yang Berhormat yang bertanya tadi, di luar musim bererti tanaman yang ditanam mulai bulan Mei sehingga bulan September, itu di luar musim. Manakala dalam musim ialah padi yang mulai ditanam mulai Oktober sehingga April dituai. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Jumlah yang kita dengar daripada wakil kerajaan sebentar tadi ialah jumlah sawah-sawah ataupun kawasan tanaman padi yang aktif. Ini bererti masih ada lagi tanah-tanah sawah yang tidak aktif dan apakah sebab-sebab tanah-tanah ini tidak diaktifkan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, ada sebahagian tanah yang masih belum dibuat kerana yang pertama, tidak sesuai tanahnya menjadi kering. Yang kedua, ketiadaan saliran yang *proper* ataupun yang lebih baik. Dan yang ketiga, tanah tidak begitu sesuai.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Boleh Yang Berhormat ambil tahu berapa peratus pencapaian daripada hasil keperluan untuk Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, peratus pencapaian hasil saya tidak ada *figure*, saya tidak ada statistiknya. Saya mohon notis.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebagai contoh, kita melihat tanah-tanah sawah yang tidak aktif seperti di Sistem Perairan Pelagat dan juga Pengkalan Nangka di mana saliran itu tidak dapat menampung sepenuhnya kawasan-kawasan penanaman padi di kawasan-kawasan tersebut. Dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan kawasan-kawasan yang dikategorikan sebagai kawasan penanaman padi dapat digunakan sepenuhnya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, sekarang ini di bawah KETARA, kerajaan sedang merangka satu Empangan Paya Peda dan menyelesaikan Besut Barat.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kuala Besut. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Rakit mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

*Nyatakan Pusat-pusat Pertumbuhan baru Negeri Terengganu yang telah dibangunkan pada 2006 dan berapakah kosnya?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antara Pusat-pusat Pertumbuhan baru Negeri Terengganu yang telah dibangunkan pada tahun 2006 adalah seperti berikut:-

- (i) Guntung Luar sebanyak RM560,000.00.
- (ii) Pasir Akar, Besut sebanyak RM1,597,000.00.
- (iii) Bukit Besi sebanyak RM2 juta.
- (iv) Marang sebanyak RM1.5 juta.
- (v) Bandar Baru Kijal sebanyak RM2.9 juta.
- (vi) Pasir Gajah sebanyak RM500,000.00.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit):** Dato' Yang Dipertua, dalam Bajet 2006 dulu kita ada RM330 juta untuk pertumbuhan-pertumbuhan pusat-pusat baru ni, jadi kalau tengok tadi tu tidak berapa persen daripada itu, jadi apakah ini kegagalan perancangan ataupun pelaksanaan? Saya ingat lagi bersama dengan Yang Berhormat pihak kerajaan di Kampung Maras, Yang Berhormat mintak Pegawai MPKT selesaikan tambun tanah satu minggu, pegawai mintak satu bulan dan mereka bersetuju dan kita setuju bagi tempoh 1 bulan tetapi saya ingat 5 bulan tak siap lagi. Sekarang baru siap hak tambun tanah dan hak tender 5 bulan tu, saya ingat dah 6 bulan tak berjalan lagi. Jadi saya rasa TERs yang diamatkan oleh Kerajaan Terengganu mestilah dilaksanakan bukan sahaja pihak atasan tetapi bawahan juga. Saya rasa banyak masalah dalam agensi-agensi Kerajaan Tempatan yang perlu kita tengok balik sebab banyak bajet dah habis dan perjalanan ataupun pelaksanaan projek-projek terlalu slow, saya rasa. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu projek-projek yang saya sebutkan tadi yang telah dibelanjakan dan sebahagian lagi masih lagi di dalam proses tender dan buat keputusan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berdasarkan penjelasan tadi, soalan tambahan. Ini yang dibangunkan pada tahun 2006, saya dimaklumkan bahawa dalam analisa yang ada, pusat-pusat pertumbuhan baru cukup banyak di dalam Daerah Kuala Terengganu, Kuala Terengganu ada dua bahagian, Kuala Nerus dan jugak Kuala Terengganu. Mengapa di dalam penjelasan pihak kerajaan tadi tidak terdapatnya peruntukan yang diberikan kepada pusat-pusat pertumbuhan baru dalam Daerah Kuala Terengganu?

**YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana sebagaimana disebutkan tadi bahawa Maras masih dalam proses tender untuk buat pasar, jadi perbelanjaan tidak digunakan lagi. Dan bagi Tepoh sehingga kini saya masih belum menerima cadangan tapak untuk membina rumah kedai daripada kawasan Yang Berhormat sendiri. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit):** Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya mohon pihak kerajaan melihat dan memantau projek-projek di bawah saya ingat Kerajaan Tempatan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Batu Rakit dan saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Soalan saya yang pertama -

*Nyatakan tanah-tanah yang telah diambil balik oleh KPTG di Negeri Terengganu yang masih belum dibangunkan?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tanah-tanah yang telah diambil balik oleh Kerajaan Persekutuan untuk kegunaan-kegunaan tertentu dan masih belum dibangunkan seluruh Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut:-

Bil.	Daerah	Bil. Lot	Kementerian				Jumlah Kawasan (Hektar)
			Pendidikan (Hektar)	Kesihatan Hektar	Dalam Negeri (Hektar)	Pertahanan (Hektar)	
1.	Setiu	4	6.2602	0.5941			5.3544
2.	Marang	5		0.2021	0.7627		1.4999
3.	K.Terengganu	2	6.0860	0.1929			6.2789
4.	Kemaman	9	4.8141	2.4152	5.8511		15.3377
5.	H.Terengganu	3	5.119	0.10008			5.1620
6.	Dungun	3			58.285	152.90	211.185
7.	Besut	8	0.0835	2.2435			3.7092
	JUMLAH	34					248.5271

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Ada tak peraturan dalam Akta tanah kita setelah bayar premium, berapa lamakah tempoh diambil untuk nak bangun tu, adakah 60 tahun ke, 50 tahun, ke asal bangun tak apa, ada peraturan tak?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tiada had masa diperuntukkan, setelah tanah-tanah telah diambil balik oleh Kerajaan Persekutuan, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Jadi maknanya Kerajaan Negeri tindakan boleh diambil kepada Jabatan KPTG berkenaan khususnya?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang tanah itu telahpun menjadi hak milikan KPTG, sekiranya kerajaan masih mempunyai kepentingan untuk membangunkan semula tanah itu kita boleh membuat pertukaran dengan tanah yang lain dengan syarat mendapat persetujuan KPTG. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya tambah soalan yang ketiga. Benar tak dakwaan mengatakan bahawa zaman Kerajaan Pas dahulu dia bahagi tanah sesama pemimpin dia aje, betul atau tidak? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, memang orang tahu belaka dah, adalah dia bahagi tu, tak payah sebut namalah di sini. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya mintak penjelasan sikit. Di bawah kuasa mana KPTG ini ambil balik tanah?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pengambilan balik tanah ini diambil balik menerusi Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan ini kata diambil balik oleh KPTG. Tak dok undang-undang yang boleh KPTG ambil balik tanah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dia tak ambil balik, kita yang ambil balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan ni, soalan ni.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ada, diambil balik oleh Kerajaan Negeri lepas itu serah kepada KPTG.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Soalan-soalan Lisan telahpun selesai dikemukakan dan jawapan-jawapan telahpun selesai diberi. Jadi sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga ke esok hari Selasa, 14 Ogos 2007 jam 9.30 pagi dan marilah sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr.

Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.15 PAGI.

# **PERSIDANGAN**

---

**HARI SELASA,  
14 AGOS 2007**





**HARI SELASA,  
14 OGOS 2007**

## KANDUNGAN

---

- |    |   |           |
|----|---|-----------|
| 1. | Nama Ahli-ahli.                           | [Muka 47] |
| 2. | Soalan-soalan Yang Telah Diberikan Notis: |           |
|    | - Soalan-soalan Lisan                     | [Muka 51] |
| 3. | Tungguhan                                 | [Muka 96] |

*[Bersambung]*



**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI**

**HADIR**

**YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA**

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DSMZ., DPMT., DSAP., ASM., AMN., PJC., PJK., BLB.

**YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU**

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.

**WAKIL JERTIH**

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT., KMN., PKT., PJK.

**WAKIL BUKIT PAYONG**

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.

**WAKIL AJIL**

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.

**WAKIL KIJAL**

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.

**WAKIL CUKAI**

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.

**WAKIL BUKIT BESI**

Y.B. Dato' Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, DPMT., DJN., PJK.

**WAKIL LADANG**

Y.B. Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT., DMSM., KMN., AMN.  
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.  
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.  
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw, PPN., PJK.  
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT., AMN., PJK.  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT., KMN., PJK.  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.  
WAKIL LANGKAP

Y.B. Haji Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT., AMN., PPN., PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Nawī bin Mohamad, AMT., PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah, AMZ.  
WAKIL SURABAYA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali, AMT.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT., PJK.  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat, AMT.  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, AMZ., PJK.  
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMT., KMN., AMN., PPN., PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3)  
UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU  
(BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Haji Mohamad Sekeri bin Mamat

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

## **PUKUL 9.30 PAGI**

### **SOALAN-SOALAN LISAN**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab – Al-Fatihah.

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat mengikut Fasal 24, 25 dan 26 dan mengemukakan soalan dan jawapan serta soalan tambahan berdasarkan Fasal 27 dan soalan tambahan dibenarkan tiga soalan sahaja bagi setiap soalan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik mengemukakan soalan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

*Sejauh manakah tahap perpaduan rakyat Terengganu dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mempertingkatkan di sebaliknya pula apakah punca perpecahan yang berlaku dalam masyarakat kita hari ini?*

**YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan ini bertanya tentang keadaan perpaduan rakyat Negeri Terengganu dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya. Pada keseluruhannya tahap perpaduan rakyat di Terengganu adalah dalam keadaan yang terkawal di mana perpaduan di antara kaum tidak menimbulkan masalah pada hari ini. Tetapi konflik di antara Melayu sendiri masih berlaku

yang disebabkan oleh kefahaman dan ideologi politik masing-masing. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk mempertingkatkan perpaduan di antara masyarakat adalah dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti melalui program dan di kawasan-kawasan rukun tetangga dan Skim Rondaan Sukarela dan juga melalui Tabika Perpaduan di seluruh Negeri Terengganu.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Antara perpecahan yang berlaku terutamanya di kalangan orang Melayu yang memahami parti politik yang berbeza seperti Pas dan salah satu punca ialah apabila ucapan-ucapan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Pas sebagaimana yang disebut oleh Wakil Ajil semalam iaitu memperkatakan berhubung Islam Hadhari – "Siapa yang mempercayai Islam Hadhari mereka murtad." Ini punca perpecahan di kalangan masyarakat kita dan apakah tindakan oleh pihak kerajaan berhubung dengan perkara-perkara termasuk perkara-perkara lain yang berlaku pada hari ini seperti menggunakan masjid yang berbeza dan sebagainya?

**YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang berlakulah konflik besar, perpecahan di antara orang-orang Melayu dan punca utamanya memanglah tidak lari daripada pemimpin-pemimpin parti politik yang mengutamakan kepentingan mereka sendiri dengan menggunakan taktik fitnah dan pembohongan dan mereka sentiasa menghasut penyokong-penyokong mereka untuk membenci kerajaan dan jugak mengamalkan konfrantasi untuk menentang apa sahaja kerajaan buat. Dan kalau kita kata kita dah melaksanakan program untuk membersihkan dan mengindahkan bandar, mereka menampal poster-poster ceramah di tiang-tiang lampu, di dinding bangunan orang dan jugak di papan tanda trafik. Kalau kita menggalakkan kanak-kanak bersekolah, mereka menghalau kanak-kanak tadika. Kalau kita kibar jalur gemilang, mereka pasang bendera bulan. Kalau kita buat, mereka tak buat apa-apun seperti kata Wakil Rakyat Pembangkang semalam. Jadi mereka hanya mengamalkan demonstrasi dan jugak merosakkan harta benda awam.

Jadi walaupun Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional menjalankan berbagai aktiviti untuk memadukan rakyat kita dan yang kita perlu adalah kerjasama daripada semua orang terutama daripada pemimpin-pemimpin Pas untuk memberi kerjasama mengenai program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.



YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bersetuju jika dikatakan salah satu puncanya adalah kerana sekolah-sekolah tadika Pasti yang saya kira daripada awal menghasut anak-anak kita daripada terus menyokong kerajaan dan juga adanya juga sembahyang yang berasingan di pusat-pusat atau markas-markas Pas?

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, itu memanglah benar, bukan sahaja mereka menghasut anak-anak di tadika Pasti tapi mereka juga melalui berbagai perkhemahan di mana dengan izin saya akan tunjukkan di mana saya dapat daripada laman web yang mengatakan "Pas hasut pelajar benci Umno dalam perkhemahan" di mana berlakunya Pemuda-Pemuda daripada kawasan Kuala Terengganu termasuk di kawasan sayalah, Kampung Tok Ku, Seberang Baroh, Makam Lama dan Sungai Derhaka yang dibawa untuk tujuan Khemah Perhutanan tapi mereka diajar pengajaran untuk membenci kerajaan. Selain daripada itu, kita banyak ada bukti di mana kanak-kanak telah dihalau daripada tabika di mana tabika itu telah kita bangunkan dengan baik, kita sediakan dengan peralatan-peralatan pengajaran yang lengkap dan kita memberi tenaga pengajar yang baik tapi bagi penyokong-penyokong Pas mereka tidak membenarkan atau menggalakkan anak-anak mereka memasuki tadika-tadika yang dibangunkan oleh pihak kerajaan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan oleh kerana pagi-pagi lagi duk bangkit isu-isu yang lapuk berhubung dengan perpaduan. Saya ingin tanya kerajaan, adakah kerajaan bersedia sepertimana Kerajaan Umno Barisan Nasional sebelum pada ini pernah lakukan untuk menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Ummah di peringkat Dewan untuk kita selesaikan kalau sekiranya ada masalah perpaduan yang dikatakan masih berlaku di Negeri Terengganu, adakah kerajaan bersedia?

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Memang kita tidak perlu mengadakan jawatankuasa jikalau kita jujur, kita benar-benar hendak mengatasi masalah dia ....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ....

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): .... kalau pihak kerajaan membina masjid janganlah kita ajak-ajak penyokong kita

bersembahyang di rumah haram, yang itulah cara selesaikan masalah ini. ....(Tepukan Sokongan) ....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan persoalan itu kerana dia yang mintak kerjasama daripada kami kononnya kami ini punca perpecahan, punca permasalahan. Jadi saya pada pagi ini apabila Wakil Bandar memperkatakan soal masjid, sayapun tak tahu dia pergi tak lagi masjid tu, masjid yang dikatakan timbul perpecahan dia pergi ke dok tengok apa yang berlaku?

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua ....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak Exco yang jawab.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan, Dato' Yang Dipertua, sebab di kawasan saya Dato' Yang Dipertua. Ada surau-sarau atau Markas-markas Pas yang digunakan sebagai tempat sembahyang dan saya nampak sekarang ini sudah ada perpecahan yang melibatkan orang-orang kampung dan saya mintak pemimpin-pemimpin Pas ini kalau boleh tolong ajar sikit orang-orang dia ni.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bukan sahaja markas kita buat sembahyang, rumah kitapun kita buat sembahyang, tengah padangpun kita sembahyang, apa masalahnya?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam duduk dulu.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Masalah sekarangnyanya dulu boleh guna masjid kerajaan kenapa hari ini tidak boleh guna masjid kerajaan?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... Semua kita pergi, masjid kerajaanpun kita pergi, markaspun kita pergi .....

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, masalahnya bukan tempat sembahyang .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): ..... Cakap boleh belaka, cakap boleh belaka.

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): .... masalahnya ialah perpecahan orang untuk sembahyang .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Haa .... baik, inilah masalah yang ditimbulkan daripada tadi, masalah perpecahan, Dato' Yang Dipertua. Saya mungkin ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam sila duduk. Yang Berhormat Wakaf Mempelam duduk biarlah dia beri jawapan dulu.

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Tapi untuk menjawab soalan Pembangkang Dato' Yang Dipertua soalan tadi, jadi bagi masjid tidak jadi halangan untuk orang bukan Islam untuk memasuki jadi saya memang selalu melawat masjid-masjid di kawasan saya termasuk peruntukan yang diberi untuk memperbaiki semua kemudahan di masjid ....(Tepukan Sokongan) .... Saya tak tahu Pembangkang kita ada lakukan perkara itu ke tidak?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, masjid yang dilawati oleh Yang Berhormat Wakil Bandar ada perpecahan dok?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Sebab orang-orang penyokong Pas tidak pergi ke masjid itu memang takdok perpecahan. Dia bawa orang masuk ke surau lain bersembahyang di surau-surau sendiri itulah yang berlaku di kampung-kampung, di masjid, .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... Saya cabar, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang menyatakan bahawa orang Pas tidak pergi masjid. Saya cabar!

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): .... di masjid memang tidak banyak perpecahan tapi perpecahan di kalangan penduduk kampung sebab sembahyang di tempat-tempat berlainan, itulah perpecahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

*Sebagaimana yang kita maklum, kompleks sukan negeri dan lapangan terbang yang sedang dalam pembinaan dijangka siap menjelang 2008. Kedua-dua prasarana ini berada dalam kawasan Kuala Nerus. Namun begitu apabila siap 2 prasarana ini, ianya bakal menyumbang kepada pertambahan kenderaan dan masalah kesesakan jalan raya. Ini ditambah dengan kewujudan sebuah universiti dan kampus universiti yang mempunyai pelajar tidak kurang dari 8800 orang pada masa kini. Apakah perancangan kerajaan untuk membina infrastruktur bagi mengatasi masalah banjir kenderaan dan pertambahan kepadatan penduduk yang bakal berlaku?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Wakil daripada Bukit Tunggal ingin bertanya tentang perancangan kerajaan apabila projek-projek di bahagian Kuala Nerus siap terutamanya airport dan juga kompleks sukan serta kampus universiti yang mempunyai pelajar tidak kurang daripada 8800 orang.

Dato' Yang Dipertua, tentu sekali dengan kepadatan penduduk di Utara Sungai Terengganu ini, kerajaan telah berbuat beberapa perancangan untuk memastikan tidak ada kesesakan dan bukan sahaja perancangan bahkan sedang dilaksanakan. Antaranya, kalau daripada Kuala Terengganu Selatan, sekarang ini sedang dilaksanakan ialah pembesaran jalan daripada Simpang Tok Ku – Durian Burung sampai ke Batu 6, pertama. Yang keduanya, ialah pelaksanaan yang akan dilaksanakan ialah daripada Losong ke Jambatan Pulau Sekati. Yang ketiganya, untuk ke airport dan juga ke kompleks sukan, kerajaan akan menaikkan taraf jalan T143 iaitu daripada Jambatan Sultan Mahmud ke lapangan terbang dan menaikkan taraf jalan T65 iaitu daripada Bulatan Batu 6 ke lampu isyarat ke lapangan terbang. Seterusnya, ialah daripada Utara ke airport itu menaikkan taraf jalan daripada simpang Wakaf Tembesu ke simpang jalan T143. Di samping itu, dengan adanya juga LPT 2 yang akan siap dan berhenti di Gemuroh, jalan daripada Gemuroh ke Batu 6 juga akan dipertingkatkan. Jadi dengan cara begini insya Allah kesesakan lalu lintas akan dapat diminimumkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah status pembinaan Jambatan Pulau Sekati yang saya difahamkan telah lama ditender tapi sehingga kini masih belum bermula kerja-kerja pembinaannya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, memang jambatan ini sudah ditender dan sebenarnya saya difahamkan sudah juga ditawarkan mungkin masalah teknikal sahaja yang melambatkan pembinaan jambatan ini.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan dan soalan tambahan. Pertama, saya mintak penjelasan Wakil Ladang apakah maksud yang dikatakan jalan yang akan dinaiktaraf, apakah maksud dinaiktaraf? Dan berkaitan dengan yang disoal oleh Wakil Bukit Tinggi tadi Jambatan Pulau Sekati. Bagaimana kedudukan sebenarnya Jambatan Jeram, antara Jeram-Manir yang Teluk Pasu ke Jeram, Jeram Hulu dalam DUN saya, DUN Tepoh, statusnya terkini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, apabila kita bercakap pasal menaikkan taraf jalan ialah kalau daripada dua lorong kepada empat lorong. Dan hak sebagaimana ditanya tadi berkenaan dengan Jambatan Jeram tu saya difahamkan Exco telahpun meluluskan pengambiln balik tanah untuk tujuan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk membina satu laluan baru dari tepi laut, dari Kuala Terengganu menyeberangi Sungai Terengganu sampai ke Seberang Takir sampai ke lapangan terbang dan juga kawasan-kawasan pertumbuhan baru di Parlimen Kuala Nerus?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, di dalam perancangan Bandar Kuala Terengganu walaupun cadangan atas kertasnya ada tetapi dari segi buat masa ini kita sedang menunggu apakah kesan daripada pembangunan yang sedang kita buat sekarang ini. Jika sekiranya memerlukan sebuah lagi jambatan maka saya yakin dan percaya kerajaan pada ketika itu juga akan membuatnya tapi buat masa ini saya yakin dengan pembesaran-pembesaran jalan, dengan adanya Jambatan Pulau Sekati dan yang sedia ada Jambatan Sultan Mahmud dapat menampung

kenderaan-kenderaan yang berulang alik. Tetapi idea untuk mengadakan jambatan melewati muka kuala Sungai Terengganu itu sebenarnya di dalam perhatian kerajaan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Alur Limbat mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

*Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah setelah Kompleks Sukan Negeri di Gong Badak siap dan bersedia untuk diguna pakai?*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, Wakil Alur Limbat ingin tahu apakah perancangan kerajaan terhadap Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah setelah Kompleks Sukan Negeri di Gong Badak siap dan bersedia untuk dipakai.

Dato' Yang Dipertua, setakat hari ini di dalam pemikiran kerajaan Stadium Sultan Ismail itu akan dijadikan Dataran dan tidak ada perancangan untuk membuat apa-apa bangunan di situ. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya yang kedua -

*Sila nyatakan jenis-jenis dan bilangan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang telah dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu bagi tahun 2004 hingga Jun 2007?*

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, jenis-jenis kesalahan yang lazim dilakukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah seperti berikut:-

- (i) Melepaskan asap hitam berlebihan dari kenderaan berenjin diesel.

- (ii) Melepaskan air buangan iaitu effluent perindustrian atau air kumbahan ke perairan daratan melebihi standard pelepasan yang ditetapkan.
- (iii) Melakukan pembakaran terbuka.
- (iv) Melaksanakan sesuatu projek tanpa kelulusan laporan EIA (Environment Impact Assessment Report) atau melanggar syarat-syarat kelulusan EIA.

Dan kesalahan-kesalahan yang dikuatkuasa oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu dari tahun 2004 hingga Jun tahun ini adalah seperti berikut:-

Kes Tindakan Yang Dibawa Ke Mahkamah

Kesalahan	Bilangan Kes Mahkamah			
	2004	2005	2006	2007 (sehingga Jun)
Pelepasan asap hitam berlebihan dari kenderaan berenjin diesel	6 kes	32 kes	56 kes	15 kes
Pelepasan air buangan ke perairan daratan melebihi had standard yang ditetapkan	4 kes	10 kes	5 kes	4 kes
Kesalahan melakukan pembakaran terbuka	-	2 kes	1 kes	belum ada
Melaksanakan projek tanpa laporan EIA atau pelanggaran syarat-syarat keluaran laporan EIA.	2 kes	1 kes	2 kes	-

Jumlah kes yang dibawa ke mahkamah dari tahun 2004 sehingga Jun 2007 berjumlah 139 kes. Bagi kesalahan yang kena kompaun yang melibatkan kesalahan:-

Kesalahan	Bilangan Kes Mahkamah			
	2004	2005	2006	2007 (sehingga Jun)
Melepaskan asap hitam berlebihan melalui cerobong/Pemasangan alat pembakaran bahan api tanpa kelulusan jabatan/Pemasangan cerobong tanpa kelulusan jabatan.	20 kes	13 kes	7 kes	4 kes
Buangan terjadual yang tidak dikendalikan dengan sempurna.	7 kes	10 kes	22 kes	4 kes
Melakukan pembakaran terbuka.	23 kes	27 kes	10 kes	3 kes
Pelepasan asap hitam berlebihan dari kenderaan berenjin diesel.	296 kes	330 kes	418 kes	161 kes
Pelepasan gas karbon monoksida/hidrokarbon melebihi standard dari kenderaan berenjin petrol.	92 kes	-	-	-
Pelepasan paras bunyi melebihi standard dari kenderaan bermotor	18 kes	-	-	-

Jadi jumlah kes yang dikompaun di bawah Jabatan Alam Sekitar dari tahun 2004 sehingga Jun 2007 adalah sebanyak 1,475 kes. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah perusahaan perabot Kelas 'C' termasuk perusahaan membuat palet memerlukan kelulusan teknikal daripada Jabatan Alam Sekitar?



YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, ini memang benar kerana perusahaan perabot bersabitkan pengeluaran asap, bunyi dan jugak habuk.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Boleh tak Yang Berhormat memberi penjelasan, sejauh manakah kesan daripada industri penyedutan pasir di sepanjang Sungai Terengganu terhadap alam sekitar? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Memang perusahaan pengambilan pasir itu ada sesetengah terletak di kawasan-kawasan tidak sesuai terutama berdekatan dengan inlet atau tempat IA untuk bekalan air dan itu jadi satu masalah di mana tidak akan dapat kelulusan daripada bukan sahaja dari Jabatan Alam Sekitar tapi jugak daripada pihak SATU jugak.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Baru-baru ini berlaku kes pasir di Kampung Losong, penduduk semua mengamuk, demonstrasi. Hah, ini jangan marah ke penduduk, pasal habuk, debu, bising dan mengganggu lalu lintas penduduk kampung yang berlaku. Apakah tindakan susulan yang diambil oleh pihak jabatan yang berkenaan berhubung isu yang dibangkitkan oleh penduduk kampung di kampung mereka sendiri di Losong?

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, mengenai kes itu, memang Jabatan Alam Sekitar menjalankan siasatan dan dah beri nasihat kepada pengusaha pasir supaya mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di mana kalau dia tidak melanggar sebarang syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta Alam Sekitar itu maka dia dapat teruskan.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa semasa Pas memegang kuasa memerintah Negeri Terengganu 2000 – 2004 sebelum ini, mereka pernah mengheret atau pun memperkudakan anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu sehingga menyebabkan kerugian beratus ribu ringgit dan pada masa yang sama untuk mempermudah kroninya dengan membuka sebuah perusahaan perabot Kelas 'C' iaitu membuat palet yang sehingga sekarang masih beroperasi di Kampung Pulau Kerengga, Marang tanpa kebenaran UPEN dan juga tanpa kelulusan teknikal Jabatan Alam Sekitar. Soalan saya apakah tindakan Jabatan Alam Sekitar terhadap perusahaan tersebut?

**YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar):** Ia memang menjadi satu kesalahan jikalau menjalankan perusahaan tanpa kelulusan. Jadi bagi kelulusan lesen untuk perusahaan perabot itu perlulah dapat daripada jawatankuasa yang meluluskan lesen. Jadi saya belum ada maklumat mengenai keadaan perusahaan perabot yang dikatakan tadi dan saya mintaklah bagi saya maklumat dan saya akan mintak Jabatan Alam Sekitar untuk menyiasat supaya jika kita dapati ia melanggar atau tidak mematuhi syarat-syarat di bawah Peraturan Alam Sekitar maka kita akan mengambil tindakan.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah selama tiga tahun BN mengambil alih kerajaan masih lagi tidak ada apa-apa tindakan?

**YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar):** Ini kemungkinan sebab cara yang dijalankan oleh orang penyokong Pas itu dia jalankan secara senyap-senyap jadi kadang-kadang kita tidak dapat tahupun, jadi payahlah kita nak ambil tindakan. Jikalau kita dapat laporan maka kita akan ambil tindakan.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Bukan soal alam sekitar senyap-senyap, perkara ini boleh berlaku senyap dalam kain selimut, yang dikata/didakwa oleh Wakil Alur Limbat tadi dah tiga tahun lebih sejak kerajaan ambil alih kalau betul berlakulah. Jangan buat fitnah begitu.

**YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar):** Saya baru dapat tahu jadi kita akan ambil tindakan untuk menyiasat. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila kita memerintah terus kita lepas syarikat tersebut daripada tanggungan anak syarikat Kerajaan Negeri sebab kita tahu bahawa perusahaan tersebut dijalankan tanpa kelulusan UPEN dan juga tanpa kelulusan Jabatan Alam Sekitar. Tolong siasat Syarikat Varia Dinamik Sdn. Bhd. di Kampung Pulau Kerengga, Marang, Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada soalan tambahan. Berkaitan dengan Alam Sekitar ni, adakah bau busuk ini tak termasukkah? Macam di kawasan saya tu bau kilang getah busuk bangor, tak termasuk ke dalam alam sekitar ke? Macam bau tandas ke busuk, bau longkang ke busuk, macam mana?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang ini saya kurang pasti tapi kalau dia jadi satu ancaman kepada keselamatan orang ramai memang kita akan ambil siasatan mungkin tidak melalui/di bawah Alam Sekitar tetapi melalui Jabatan Kesihatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullah. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

*Apakah langkah selanjutnya yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri terhadap masalah kegagalan melaksanakan kerja-kerja mengorek pasir di muara Sungai Besut?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Wakil daripada Rhu Rendang ingin bertanya apakah langkah yang diambil oleh JPS tentang masalah sungai di muara Sungai Besut.

Dato' Yang Dipertua, pada akhir tahun 2005 JPS telah melaksanakan kerja-kerja pengorekkan ataupun *maintenance dredging* di muara Sungai Besut bernilai RM6 juta. Walau bagaimanapun, pemendapan pasir di kawasan muara berulang dan sedikit sebanyak ia menjejaskan pelayaran bot-bot nelayan terutamanya di waktu ia surut. Bagi menyelesaikan masalah ini, masalah penyelesaian jangka pendek ialah; kerajaan menyediakan pam pasir untuk kerja-kerja penggalian mendalamkan kawasan laluan berhampiran jeti ataupun tebing LKIM dan laluan pelayaran. Bagi penyelesaian jangka panjang; merancang melaksanakan kerja-kerja pengorekkan semula ataupun *maintenance dredging* 4 – 5 tahun sekali. Satu kajian sedang dilaksanakan oleh pihak JPS bagi membaiki pemecah ombak untuk mengurangkan kesan pemendapan pasir di kawasan muara sungai tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelas): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kes pemendapan pasir ini berterusan dan ada yang menyatakan bahawa puncanya makin teruk sekarang ini bahawa kerana kes pemecah ombak yang dibina itu. Semasa hendak bina pemecah ombak itu adakah kajian dibuat? Saya bimbang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, macam berlaku satu jeti yang dibina di Pantai Merang, katanya jeti itu duduk di atas darat, bimbang takut perkara ini berlaku dan berulang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, dia masalah apa ni orang bercakap boleh bercakap belaka, masalah itu masalah ini tetapi melainkan kita mengemukakan *scientific finding* maka kita boleh bercakap sebab itulah kita menyerahkan kepada kebijaksanaan JPS untuk membuat kajian secara menyeluruh. Kadang-kadang benda ini sama ada ianya buatan akibat ataupun disebabkan oleh perbuatan manusia ataupun memang dengan keadaan pertukaran cuaca dan sebagainya yang mengakibatkan pemendapan ini tetapi walau bagaimanapun, masalah yang utama ialah untuk kita menyelesaikan masalah nelayan di situ sama ada melalui jangka pendek ataupun jangka panjang sebab itulah kita membuat beberapa langkah-langkah yang diambil. Bahkan baru-baru inipun kerajaan telah untuk mengurangkan kos kerajaan telahpun meluluskan untuk pembelian kapal korek supaya ianya dapat dibuat *maintenance* terus bukan sahaja di muara Sungai Besut tetapi juga di muara-muara sungai di seluruh Negeri Terengganu supaya kita tidak perlu lagi setiap kali nak buat kita kena itu tetapi dengan adanya *maintenance dredging* kita sendiri ataupun *Dredger* kita sendiri kita dapat mengelilingi setiap sungai untuk buat *maintenance* sebab benda ini memang benda yang berlaku sokmo dan kita perlu mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan perkara ini tidak menjadi masalah kepada nelayan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Seperti mana yang umum mengetahui pemendapan di muara Sungai Besut ini bukan 10, bukan 20 hampir selama-lamanya dan dalam masa yang sama juga kajian pembinaan dibuat hanyalah bagaimana nak memunggah keluar pasir yang mendap itu. Tidakkah ada satu kajian yang mendalam, sumber, *source* dengan izin, yang menyebabkan pasir ini terlalu banyak menjadi pemendapan di situ?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, satu kajian sedang dilaksanakan oleh JPS bagi memperbaiki pemecah baiki untuk mengurangkan kesan pemendapan pasir di kawasan muara Sungai Besut itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Langkap mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Adakah kerajaan sudah membuat kajian berhubung dengan kemerosotan prestasi pelajar lelaki berbanding dengan pelajar perempuan di akhir-akhir ini di Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Adapun soalan yang pertama berkehendakkan jawapan mengenai kemerosotan pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan di Terengganu. Setakat ini kita belum lagi ada kajian yang menyeluruh.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan bersetuju kalau dikatakan meningkatnya prestasi kaum wanita hari ini merupakan hasil daripada tumpuan yang bersungguh oleh pihak kerajaan. Di peringkat Kerajaan Pusat ada kementerian berhubung dengan pembangunan wanita, ada menteri. Di peringkat negeri jugak ada Exco yang menjaga khusus hal pembangunan wanita begitu jugak jabatan-jabatan yang berkenaan.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Barangkali ada satu kemungkinan tetapi kalau kita tengok prestasi pelajar-pelajar di peringkat sekolah dan universiti bukan sekarang sahaja yang pelajar-pelajar wanita atau pelajar-pelajar perempuan melintasi pelajar-pelajar lelaki, data yang saya dapati sejak 30 tahun yang lepas lagi dah. Saya perhatikan sejak saya jadi Dekan di USM dahulu, Fakulti Perubatan USM 70 peratus tahun '80an hari tu diduduki oleh pelajar-pelajar perempuan ketika itu tahun '80an. Ini tahun 2000an ....(Dewan Gelak) .... *trend* ini masih berlanjutan. Pada masa itu tidak ada lagi Kementerian Wanita, *at that time*, kalau kita lihat ketika itu tetapi telah berlaku peristiwa ini sebab menyebabkan itu Allahu'alamlah. Katanya pelajar-pelajar wanita lebih gigih belajar dari lelaki, itu dikata oleh guru-guru kita.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Kalau penubuhan kementerian dan jabatan-jabatan berhubung dengan pembangunan wanitanya ada kesannya, adakah kerajaan bercadang selepas ini untuk menubuhkan pula jabatan-jabatan ataupun kementerian ataupun di peringkat negeri menubuhkan pulak satu jawatankuasa yang berkaitan dengan pembangunan kaum laki-laki dengan memberikan seorang Exco khas untuk menjaga hal ini? ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Kita boleh timbang kalau ini kedapatan elok, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Saya dulu rasa bunyi satni .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Adakah Yang Berhormat Exco sedar .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Saya dulu bunyi satni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Aah, tak apa. Tak apa, masa banyak hari ini.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan Exco. Kalau mengikut satu kajian oleh pihak Ahli-ahli Saikologi, pernah menemui satu dapatan bahawa antara sebab yang menyebabkan lelaki dan perempuan ini berbeza dari sudut pembelajaran dan kualiti pembelajaran adalah kerana dikaitkan nafsu. Di mana nafsu orang perempuan adalah nafsu menunggu, nafsu lelaki adalah nafsu mencari. Boleh terima ke tidak pandangan saya, kalau begitu ertinya belajar di sekolah duduk di bangku, duduk di kerusi ni menyebabkan orang lelaki tidak berapa minat nak duduk dia cepat panas punggung, orang perempuan tak apa dia tunggu, macam "takkan perigi mencari timba". Kalau bersetuju apakah langkah yang boleh kita ambil supaya orang lelaki ini lebih suka belajar dan prestasinya meningkat bab nafsu menunggu nafsu mencari ini? Terima kasih, Dato'.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Pada menjawabnya, setujupun tidak, tidak bersetujupun tidak .... (Dewan Gelak) .... kerana tidak ada satu kajian yang lengkap ataupun kajian yang menyeluruh dibuat untuk kaedah inilah. Pandangan kita boleh buat tetapi sebenarnya lebih kompleks daripada itu lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Exco berkenaan sedar pelajar yang cemerlang yang mendapat 10 mata subjek 'Muntaz' yang diberi hadiah kecemerlangan oleh Yayasan Terengganu sendiri tetapi bila mintak pinjaman biasiswa ditolak (pelajar lelaki).

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Saya sedar dan memang pihak Yayasan telah menjawab kepada pelajar berkenaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Alasan apa yang ditolak itu?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Surat telah dibuat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan perkara yang berkaitan dengan kemerosotan pelajar, terutamanya pelajar lelaki. Umumnya mengetahui hari ini di kalangan pelajar sekolah kita masalah disiplin merupakan masalah yang sebahagiannya dihadapi oleh sekolah-sekolah. Misalnya baru-baru ini ada kita dengar berita pelajar lelaki mencekik guru, tak pernah kita dengar sebelum ini pelajar mencekik guru dia. Jadi di Terengganu juga kita dengar ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cekik apa benda tu?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Cekik tengkok. ....(Dewan Gelak) .... Di Terengganu ada 3,000 hingga 4,000 satu hari pelajar tak ke sekolah. Dan saya sekarang ini memegang dua Pengerusi PIBG, bila saya bermesyuarat PIBG, guru-guru memaklumkan kepada saya antara punca kemerosotan pelajar terutamanya pelajar lelaki dari segi disiplin dia apabila pelajar ini berada di kelas ke bawah. Kalau enam kelas ada di Tingkatan 4, dua kelas ke bawah, kelas kelima, kelas keenam menjadi punca utama mengapa mereka tidak suka pergi ke sekolah dan merosot dari segi pelajarannya. Jadi adakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menubuh satu sekolah, maknanya sekolah premier ke, sekolah elit ke untuk menempatkan pelajar-pelajar ini supaya mereka lebih terarah kepada vokasionalnya. Jadi dengan cara ini saya rasa kita dapat mengurangkan kemerosotan pelajar di Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Okey, terima kasih. Sebenarnya masalah pelajar yang tidak minat belajar terutama daripada Tingkatan 3 masuk ke Tingkatan 4. Dia ambil PMR tetapi keputusannya tidak cemerlang menyebabkan mereka tidak dapat masuk ke Tingkatan 4. Ini ada berlaku dan untuk mengatasi masalah tidak minatnya kepada akademik, pihak Kementerian Pelajaran telahpun memulakan dinamakan Kelas Khas MPV (Kelas Mata Pelajaran Vokasional) tetapi bilangannya terhad kerana nak adakan satu kelas itu mahal, mahal nak beri peralatannya mahal dan setakat ini Terengganu baru ada 44 buah sekolah kelas yang MPV, satu kelas ini boleh menampung 25 pelajar. Dan bilangan yang berada di bawah kategori di bawah lepasan PMR, tinggi, saya hitung di seluruh Malaysia *averagenya* ialah lebih kurang 30 peratus lebih yang berada di peringkat ini, bukan di Terengganu sahaja, di seluruh Malaysia di bawah Kementerian Pelajaran. Sebab itu untuk mengatasi masalah ini Terengganu lebih proaktif dari negeri-negeri lain di mana kita telah berbincang dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membantu pihak Kementerian supaya kelas ini diperbanyakkan dengan bantuan Kerajaan Negeri. Maknanya kalau boleh kita nak sampai 100 kelas untuk sekolah-sekolah di Terengganu. Dengan cara ini dapat menampung sebahagian daripada pelajar-pelajar yang tidak berminat kepada akademik tetapi boleh ambil bidang kemahiran seperti contohnya membaiki motosikal, membaiki kereta, jahitan, lanskap dan lain-lain kerana minat mereka ke situ. Dan selepas mengambil kursus-kursus ini mereka boleh mengambil lagi SPM dalam mata pelajaran MPV juga campur dengan apabila dia lulus SPM dia boleh ambil/sambung dengan SKM (Sijil Kemahiran Malaysia) di bawah MLVK. Dengan cara ini walaupun SPMnya lemah dan rendah tetapi pasaran mereka lebih laku kerana telah ada kemahiran. Sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri sekarang dengan kerjasama pihak Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Exco Pendidikan memberi penjelasan, sejak BN mengambil alih pemerintahan Negeri Terengganu prestasi kecemerlangan, kegemilangan keputusan peperiksaan pelajar-pelajar Negeri Terengganu ini terus merosot?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Saya nak bukti yang katakan merosot.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kita dapat nombor satu berterusan/berturut-turut sekarang ini semuanya merosot.



YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Baham rambang cakap tok wakil ni. Merosot bermakna peratusan kelulusan itu menurun, menurun dari tahun ke tahun menurun, itu maksud merosot.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya kata kecemerlangan dan kegemilangan .....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Kecemerlangan itu merosot kerana prestasi yang ditunjukkan oleh jumlah kelulusan itu menurun. Itu maksudnya merosot kalau mengikut istilah Dewan, kalau saya faham. Kita dapati bahawa sejak tahun 2001, 2, 3, 4, 5 dan 6 baru-baru ini tidak ada satu tahunpun yang merosot kecuali meningkat sepanjang tahun sehinggalah kita sampai 12.3 peratus pada tahun lepas. Soal negeri lain dapat soal lain, soal kita dapat daripada tahun 2005 – 11.8 peratus dan 2006 – 12.3 peratus, menjunam atau menurun? Kalau dalam matematik saya tahu itu naik, mungkin Wallahuwa'lam Wakil Batu Burok matematiknya lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan soal matematik, soal kecemerlangan – kegemilangan tidak ada lagi.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Mana boleh takdok kita naik. Faham tak, daripada 11.8 naik 12.3 peratus. Faham ke tak ni? Lawyer apa ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak dapat nombor ni.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Nombor apa pulak. Nombor apa benda?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tinggi pun tak dapat nombor apa ni.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Cakap baham rambang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya nombor 1 -

*Berapakah jumlah penagih dadah di seluruh Negeri Terengganu mulai 2004 sehingga Julai 2007 dan positif HIV?*

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah penagih dadah yang didaftarkan di seluruh Negeri Terengganu mulai tahun 2004 sehingga Julai tahun ini adalah seramai 25,003. Dikesan positif HIV adalah seramai 1,447 orang.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya pohon penjelasan. Daripada 25,000 orang penagih dan 1,447 pembawa HIV, adakah di kalangan mereka ini terdiri juga daripada orang Melayu – Pas?

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Rasa-rasanya memang ramai terutama baru-baru ini kita dah melaksanakan berbagai aktiviti-aktiviti untuk remaja kita tapi penyokong-penyokong Pas tidak ingin mengambil bahagian. Jadi mereka mempunyai masa lapang yang panjang yang akan melibatkan dengan penyakit dan dadah ini.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, kalaulah begitu saya mencadangkan agar pemimpin-pemimpin Pas dalam ceramah-ceramah mereka supaya memasukkan juga slot untuk memberi kesedaran kepada pengikut-pengikut mereka tentang bahayanya Pas .... (Dewan Gelak) .... bahayanya dadah dan HIV ini. Oleh itu, apakah langkah kerajaan terutamanya kepada pembawa-pembawa HIV positif di kalangan kanak-kanak terutamanya mungkin ada kanak-kanak sekolah yang dijangkiti oleh HIV kerana dibawa oleh kedua ibu-bapa mereka. Apakah langkah Jabatan Pendidikan terutamanya untuk mengawal perkara ini?

YANG BERTHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Saya memang setuju sepenuhnya, kesemuanya berbahaya, semuanya yang disebutkan itu. Jadi memang saya tidak ada jawapan mengenai tindakan dari Jabatan Pendidikan tapi yang saya meminta supaya pihak-pihak pembangkang dengan orang ramai sama-samalah kita memberi penjelasan, ceramah kepada anak-anak kita supaya jauhi daripada dadah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Baru-baru ini ada suatu berita yang pernah dilapor dalam akhbar Harakah yang mendakwa kononnya jumlah kesalahan jenayah penagihan dadah dan HIV di kawasan Kampung Padang Midin, Kuala Terengganu bertambah atas alasan kerana saya menjadi Wakil Rakyat. Setakat yang saya tahu tidak pernah pulak saya dan mana-mana ADUN Barisan Nasional seluruh Negeri Terengganu menggalakkan kegiatan jenayah, membuka institut penyalahgunaan dadah ataupun membekal najis dadah kepada mana-mana orang atau penduduk sama ada di kawasan saya atau seluruh Negeri Terengganu. Soalan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah kegiatan penagihan dadah tidak pernah berlaku di zaman pemerintahan Pas di Terengganu sepanjang 2000 – 2004 ataupun dengan izin *they completely control* kegiatan penagihan dadah ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya jawab?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, boleh saya jawab? Ya, ya, saya nak jawab ni. Dari tahun 2000 – 2003, memang ramai jugaklah penagih dadah yang ditangkap. Dan kita dapati bahawa jumlah penagih dadah yang dikesan positif semakin menurun iaitu menunjukkan yang langkah-langkah kita berkesan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Seperti mana yang umum mengetahuinya najis dan pengambilan dadah ini tidak mengenali Pas ataupun Umno dan berlakunya penagih-penagih semasa Pas memerintah 4 tahun bukan spontan ianya pewarisan daripada pemerintahan yang terdahulu. Soal yang saya nak tanya sekarang ini seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dengan izin Dato' Yang Dipertua, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Rahman Bakar yang berkata: "Itu adalah kenyataan berat yang harus kita terima dan dadah turut menjadi punca berlakunya masalah kecurian, pengangguran, perbuatan jenayah dan berbagai-bagai lagi". Ini masalah yang dibangkitkan, ianya terkena kepada semua lapisan masyarakat termasuk kita semua, soalnya perkara ini tidak menurun dan terus meningkat, apakah langkah-langkah berkesan yang perlu diambil oleh kerajaan pada hari ini?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Memang Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini selain daripada aktiviti atau program yang dianjurkan oleh Agensi Anti Dadah. Jadi bukan sahaja kita melalui ceramah-ceramah kepada remaja, memberi penjelasan kepada

mereka, kita melalui jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Kesihatan dan juga kita melalui pemimpin-pemimpin setempat seperti Jawatankuasa JKKK di mana kita masukkan agenda untuk memantau kesalahgunaan dadah di kalangan pemuda setempat.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Penyalahgunaan dadah secara berleluasa ialah kerana dadah itu diperolehi secara mudah dan berleluasa dalam negara ini termasuk dalam Negeri Terengganu. Apakah sebab-sebab yang mana dadah itu diperolehi secara mudah dan senang sehingga disalahgunakan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menjadikan dadah tidak diperolehi dan sukar didapati di dalam negara ini?

**YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar):** Soalan ini memang susah untuk dijawab sebab di mana ada keuntungan orang akan berusaha membawa masuk dadah itu. Jadi memang pihak Polis telah giat menjalankan kuatkuasa untuk mengambil tindakan terhadap pengedar-pengedar dadah.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Kita mendengar ada dua konflik. Kita mendengar pihak pembangkang memberitahu Negeri Terengganu begitu meningkat berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dan juga masalah-masalah sosial. Tapi kita difahamkan baru-baru ini, saya nak tanyalah pihak kerajaan benar ataupun tidak sebenarnya baru-baru ini kita difahamkan bahawa indeks keseluruhan jenayah di Negeri Terengganu adalah yang paling rendah sebenarnya. Jadi kita nak mintak pihak kerajaan memberi penjelasan kepada pembangkang ini dia tak tahu kala ni. Lepas itu yang kedua pulak duk bercakap hal dadah, hal masalah sosial, masalah dadah ini, saya nak mintak juga rakan-rakan kita daripada pembangkang ni kalau berceramah di kampung-kampung tu royat gok retek ke orang ramai, takmboh royat ke orang Paspun royat ke orang UMNO ini duk royat-maki ke orang saja. Dia dok royat hal ceramah, duduk dalam ini saja hebat duk royat-royat ni. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Telemong dok pergi dengar saya ceramah kalau pergi dengar baru tahu saya kata apa. Kenapa dadah masuk .....

**YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Saya gi sokmo Yang Berhormat, Yang Berhormat dok sedar saya duduk dalam gelap. ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sabar .... (dalam gelak) ... Kita kata kenapa dadah diperolehi secara mudah dan senang di dalam negara kita, tidakkah sempadan negara ini aman, ada penjaganya, ada Kastamnya, ada Imigresen tetapi kenapa boleh ditembusi? Di mana kekurangan? Ini adalah suatu kelemahan yang besar yang ditunjukkan oleh kerajaan negara ini atau negeri ini.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telomong): Yang Berhormat kena faham Negeri Terengganu indeksnya kita difahamkan dan diumumkan oleh Ketua Polis Negara kalau Yang Berhormat umum susah kita nak buat pengukuran. Indeks kita di Terengganu ialah yang paling rendah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, saya tak cakap pasal indeks, ini 25,000 ni. Ini bukan saya yang iklan, Exco yang jawab. Saya tanyanya kenapa dadah boleh diperolehi dengan cara senang dan mudah, kalau takdok dadah siapa dia nak hisab, takdoklah?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ini hak zaman lama, zaman Pas tu naik kita terima dari warisan dari zaman Pas.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau betul indeks tu zaman kita banyak tak apalah tapi takdok kenyataan pulak zaman kita tu jadi banyak. Saya tanya, cuba jawab kenapa boleh masuk dadah? Maknanya kerajaan dokrok cetong nak jaga sempadan negara ni.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Jabi. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan 1 -

*Bagaimanakah Kerajaan Negeri menilai prestasi tahunan kakitangan kerajaan yang mendapat cemerlang setiap tahun?*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli

Yang Berhormat. Terima kasih kepada Wakil Seberang Takir yang ingin mengetahui bagaimana kerajaan menilai prestasi seseorang penjawat di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan menilai kecemerlangan kakitangan dengan melihat secara keseluruhan, sumbangan dan jugak kontribusi kepada jabatan, agensi dan tahap perkhidmatan kepada rakyat. Dan kaedah penilaian ini berdasarkan kepada Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang mana kakitangan yang mendapat markah melebihi 85 dan ke atas, mereka dikategorikan sebagai cemerlang. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah latihan dan motivasi diberi kepada kakitangan yang tidak cemerlang ataupun kakitangan yang hanya sekadar mendapat penilaian memuaskan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan sebagai cara nak memenuhi *Delivery System* dengan izin Yang Dipertua, maka latihan-latihan diadakan bukan sahaja kepada pekerja-pekerja yang lemah malah pekerja-pekerja yang cemerlang dan semua penjawat di Terengganu diwajibkan menghadiri kursus ataupun latihan selama 8 hari setahun. Ini melebihi daripada apa yang dilakukan dan dilaksanakan di peringkat Kerajaan Pusat maknanya kita lebih dan kita mempunyai satu prinsip iaitu TER's yang mana pegawai-pegawai kita, kakitangan kita dikehendaki menjalani latihan 'T' (*training*), kemudian 'E' (*enrichment*) iaitu pengkayaan, mengkayakan dengan bacaan serta menggalak pegawai-pegawai termasuk jugak Ahli-ahli Yang Berhormat membeli buku dan kita beri elaun kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendapatkan buku setiap bulan. Selepas daripada itu kita jugak beri imbuhan 'R' (*reward*) ataupun hadiah kepada mana-mana yang cemerlang, hadiah ini termasuk pergerakan gaji, lawatan dan sebagainya untuk memberi motivasi kepada kakitangan agar mereka lebih berprestasi kerana kita beranggapan baik kakitangan kerajaan maka memberi impak yang baik kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau kakitangan kerajaan tidak menjalankan tugas dengan baik maka kesannya akan jugak datang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada politik. Jadi ini yang berlaku ketika zaman pemerintahan Kerajaan Pas dulu oleh kerana tidak ada apa-apa imbuhan yang diberikan, tidak ada apa-apa ganjaran yang diberikan kepada kakitangan awam ketika itu maka banyak kakitangan mereka ketika itu tidak mampu menjalankan tugas dengan baik. Tetapi alhamdulillah, sepanjang kita memerintah selama 3 tahun yang lalu, prestasi dan pencapaian kakitangan kerajaan di peringkat negeri cukup

memberangsangkan dan kita akan tambah daripada semasa ke semasa. Di samping itu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita ada satu 's' iaitu (*shoot*) yang mana mana-mana kakitangan yang tidak menunjukkan prestasi yang meningkat, yang baik, yang menjadi beban dan menjadi makhluk-makhluk perosak maka mereka ini kita ambil tindakan dengan penuh berhemah agar mereka juga mesti diberi imbuhan dan mereka tidak dianiayakan atas tindakan kita. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah prestasi disiplin di kalangan pekerja-pekerja, pegawai-pegawai kerajaan Negeri Terengganu ini begitu menurun dan merosot sekali sehingga terpaksa kerajaan menggunakan CCTV memantau mereka?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tidak mempunyai prejudis kepada kakitangan kita. Sebagaimana saya katakan tadi kita cukup yakin dengan kemampuan dan kapasiti kakitangan awam di Negeri Terengganu, lantaran itu maka tidak menjadi masalah cuma langkah CCTV itu mengikut perkembangan zaman, mengikut keadaan semasa hari ini yang mana pejabat, bandar raya, jalan-jalan kita adakan CCTV untuk nak memastikan kerana ada CCTV ke, tak ada CCTV ke sebenarnya yang malas tetap malas dan yang rajin tetap rajin. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pusingan kerja diamalkan agar pekerja yang cemerlang dapat berkhidmat di pelbagai agensi?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, pertukaran pegawai adalah suatu perkara biasa dalam penjawat awam dan kita tidak letakkan seseorang pegawai itu di tempat/satu-satu jabatan atau satu-satu post terlalu lama sama ada mereka dipindah kerana terpaksa ataupun mereka dipindah kerana kenaikan pangkat. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Pertama, boleh atau tidak kita katakan bahawa insentif menghantar kakitangan menunaikan Haji itu merupakan suatu *reward* yang terbaik untuk kakitangan kerajaan dan saya ingin dapat pandangan apakah selama ini kita ada membuat satu analisa dan kajian tentang keseronokan dan kepuasan bekerja kakitangan dalam tempoh pemerintahan Pas dan sekarang. Kalau tidak ada apa salahnya kita cadangkan

supaya dibuat satu kajian tentang kepuasan dan keseronokan kerja kakitangan dalam dua era pemerintahan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Cadangan untuk menjalani kajian keseronokan itu satu cadangan yang baik dan insya Allah kita akan pertimbangkan untuk nak menilai, membandingkan antara dua situasi. Berkaitan dengan anugerah menunaikan Haji kepada kakitangan awam yang cemerlang, rata-rata saya temui mereka ini, mereka cukup berterima kasih kepada kemampuan kerajaan kerana inilah sebenarnya cita-cita seorang umat Islam dan Rukun Islam terakhir iaitu menunaikan Haji. Jadi cita-cita yang terakhir ini mereka dapat capai terutamanya kepada kakitangan yang miskin yang pada adatnya mereka ini tak mampu untuk ke Makah menunaikan Haji. Jadi dengan adanya tugas kecemerlangan ini dan dengan adanya kerajaan yang prihatin dan cakna kepada pegawai-pegawai ini mereka dapat menunaikan Rukun Haji ataupun Rukun Islam yang kelima itu. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Yang Dipertua, soalan saya yang kedua -

*Berapakah bilangan pelajar yang diterima masuk ke Universiti Darul Iman (UDM) di setiap peringkat pengajian pada tahun ini?*

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua ini ialah bilangan pelajar yang diterima masuk ke Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) di setiap peringkat pengajian iaitu pengambilan Julai 2007 yang seperti berikut:-

Peringkat Pengajian	Bilangan Program	Jumlah Pelajar
(i) Peringkat Sarjana Muda (Bachelor)	- 10 program	495 orang pelajar
(ii) Peringkat Diploma	- 24 program	567 orang pelajar

Jumlah yang masuk Julai baru-baru ini ialah 1,062 orang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Berapa peratus peningkatan pengambilan pelajar UDM dari tahun sebelum ini?



YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Saya tak ada angka buat masa ini. Mintak notis.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Bagaimana dengan pecahan peratusan pengambilan mengikut jantina dan negeri?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Begini, saya kebetulan melihat kemasukan tahun ini dari segi pecahan ikut negeri, jantina saya tak ingat. Ikut negeri Terengganu yang tertinggi 17 peratus yang tertinggi yang masuk ke UDM. Lebih kurang, saya mintak maaf kalau tersilap, saya nampak begitu. Saya kena cek balik dengan pihak universiti, tapi yang tertinggi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, saya mohon jasa baik kerajaan ataupun pihak universiti supaya memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang tinggal di tepi pagar kampus, mereka layak tetapi mereka kalah dalam persaingan. Maka saya pohonlah jasa baik supaya pihak universiti memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar yang tinggal di tepi pagar kampus ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Saya mintak maaf, maksudnya daripada itu, yang tinggal di luar pagar tapi untuk apa dia tu?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Anak-anak kampung yang tinggal di tepi pagar kampus, saya pohon supaya mereka diberi keutamaan, diterima masuk ke universiti kerana mereka layak tetapi mereka kalah dalam persaingan. Saya pohon jasa baik pihak universiti supaya mereka diberi keutamaan.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih. Boleh saya sampaikan kepada pihak universiti.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Manir mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

*Nyatakan jenis-jenis jenayah syariah yang dapat dikesan oleh Kerajaan Negeri Terengganu sejak daripada tahun 2005 hingga Jun 2007?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini kawan lama ni. Wakil Manir ingin tahu jenis-jenis jenayah syariah yang dapat dikesan di Negeri Terengganu sejak 2005 hingga 2007.

Yang Berhormat Yang Dipertua, jenis-jenis jenayah syariah yang dapat dikesan terlalu banyak di Terengganu. Dan yang dapat dikesan ini ada yang diambil tindakan, ada yang tidak boleh diambil tindakan dan ada dalam siasatan. Dan kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan iaitu di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir Terengganu, Enakmen 7201 yang berhubung kesusilaan seperti khalwat, perbuatan tidak sopan di tempat awam, orang lelaki berlagak perempuan (pondan), perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan di luar nikah dan sebagainya. Yang keduanya, kesalahan berhubung kesucian Agama Islam dan menghina institusi seperti menghina dan mengingkari Pihak Berkuasa Agama, penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak, tidak menghormati Ramadhan, berjudi dan meminum minuman yang memabukkan. Yang ketiga, kesalahan berhubung dengan keadilan dan ketenteraman awam seperti menggalakkan maksiat, memujuk lari perempuan bersuami. Yang keempat, kesalahan yang berhubung dengan akidah seperti mendakwa bukan Islam untuk mengelakkan daripada diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Dan kesalahan-kesalahan sebenarnya yang berlaku daripada tahun 2005, 2006 dan 2007:

Jumlah Kes Jenayah Syariah Yang Telah Diambil Tindakan Sepanjang Tahun 2005 Hingga 2007 Di Negeri Terengganu

Bil.	Jenis Kesalahan	Jumlah Kes		
		2005	2006	Sehingga Jun 2007
1.	Khalwat	211	821	130
2.	Menghina atau mengingkari Pihak Berkuasa	82	-	-
3.	Tidak menghormati Ramadhan	4	8	3
4.	Meminum minuman yang memabukkan	1	4	1
5.	Mendakwa bukan Islam untuk mengelakkan daripada diambil tindakan di bawah Enakmen Jenayah	1	-	-

Itu yang kerajaan ambil tindakan dan yang ada primafasi tapi ada perbuatan-perbuatan di bawah kesalahan umpamanya kesalahan berjumaat di tempat yang tidak dibenarkan jugak di bawah Enakmen ini yang mana kita dapati masih ada lagi sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan kita daripada Air Putih dan jugak dinafikan oleh Wakaf Mempelam bahawa masih ada lagi masjid-masjid ataupun markas-markas yang digunapakai oleh orang-orang yang Parti Pas untuk berjumaat. Contohnya yang paling *extreme* saya nampak ialah yang berlaku di Pengkalan Berangan yang antara kedua-dua masjid cuma 600 meter sahaja, yang masih hingga sekarang menjalankan Jumaat di dua tempat. Jadi ini satu yang memalukan dalam segi agama kita. Begitu jugak apa yang berlaku di Masjid Sura Dungun dan jugak di Jabi, jadi ini tiga tempat yang masih menjalankan dan saya ucap terima kasih kepada penyokong-penyokong Pas di Bukit Cempedak, Jerong, Marang, di Banggol, Tasik, Setiu dan Kampung Damak, Setiu yang apabila/semasa kita perintah dulu mereka buat masjid lain, bila Pas menang mereka pergi ke masjid-masjid kita tapi sekarang mereka tetap dengan masjid-masjid kita, alhamdulillah. Terima kasih banyak kepada penduduk-penduduk di sekitar itu. Cuma ada satu kes yang mungkin diketahui oleh pihak pembangkang, ini jugak di bawah Enakmen Jenayah Syariah kita masih ada 20 orang, saya ulang lagi Wakil Manir 20 orang di Alor Lik yang sehingga kita menang sampai sekarang tidak berjumaat alasannya masjid yang dibina oleh kerajaan tidak sah Sembahyang Jumaat dan saya mintak Wakil Manir ke, Presiden ke sendiri turunlah pujuk mereka ini, siapa nak tanggung dosa ni. Sejak tiga tahun dulu tak Sembahyang Jumaat lagi sampailah sekarang dan ini kita ambil perbicaraan dalam kes di mahkamah ataupun dengan Pejabat Agama untuk menyasat sebab-sebab mereka tak pergi dan kita ambil tindakanlah, insya Allah. Terima kasih, Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Ada banyak kes yang disebut termasuklah mendakwa atau mengisytiharkan dia bukan Islam. Apakah kerajaan telah membuat penyasatan apakah punca-punca dan sebab-sebab dan apakah tindakan yang telah dilakukan dan kesan daripada itu?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tindakan keluar daripada agama ini, ini dia isytihar diri dia keluar bukan yang macam didakwa oleh Azman Shapawi kelmarin, mendakwa orang yang berjuang Islam Hadhari murtad, ini isytihar diri dia sendiri keluar. Ini ialah isteri kepada Ayah Pin yang sekarang ini masih di dalam perbicaraan mahkamah untuk diambil tindakan kerana dia kata ajaran Ayah Pin itu adalah lebih baik, ajaran Ayah Pin itu betul maka untuk mengelak daripada tindakan diambil oleh Mahkamah Syariah maka dia mengisytiharkan dia keluar

daripada agama. Tetapi berbeza daripada apa yang dinyatakan kelmarin, ini juga di bawah Enakmen Jenayah Syariah jugak mendakwa orang Islam sebagai murtad dan insya Allah kita akan ambil tindakan perjalanan untuk pastikan perkara ini tidak akan berlaku dan kesannya kalau tidak dibendung maka dia akan memecah belahkan umat. Terima kasih Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, kes hak kelmarin tu ada dah buat apa-apa tindakan tu?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Yang Dipertua, insya Allah dalam perjalanan kita akan panggil dan kita mintaklah Azman Shapawi, Ketua Pemuda Pas Negeri Terengganu hadir bila dipanggil, janganlah babir, janganlah tak hadir. Tapi mintaklah kalau tak hadir mintak bekas Ketua Dewan Ulama pujuk dia supaya gi jumpa dengan Pegawai Penyiasat kita. Terima kasih Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Jadi yang banyak sekali terlibat dalam Jenayah Syariah ialah kes khalwat. Kenapa yang banyak sangat khalwat ni, apa puncanya itu dan apakah tindakan yang dilakukan oleh kerajaan dan kesan-kesannya?

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Banyak ni, apa yang kita lihat daripada pengamatan saya kerana kita melantik ramai Penguatkuasaan Syariah untuk menjalankan pemantauan. Jadi bila banyak Pegawai Syariah yang dilantik, Pegawai-pegawai Sukarela ni maka banyaklah tangkapan-tangkapan yang dibuat dan kita untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita lebih kepada mendidik sebab itu kita cat van kita besar-besar "Penguatkuasa Syariah", maknanya bila nampak "Penguatkuasa Syariah" tu, dia buat pelik-pelik tepi pantai tu dia lari dulu, kita bukan nak menghukum mereka, kita nak mendidik mereka. Dan perkara ini sebenarnya kita tak boleh salahkan jugak kepada pihak kerajaan kita nak buat semua sekali tapi yang lebih penting ialah pendidikan di rumah antara ibu bapa dan anak-anak di rumah. Jika mereka boleh bendung dan mereka boleh mendidik anak-anak dengan sahsiah yang baik insya Allah perkara-perkara sebegini tidak akan berlaku. Terima kasih Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir):** Dato' Yang Dipertua, saya tanya sebab apa berlaku kerana ikut Exco/Kerajaan tadi katanya kerana pegawai ramai maka banyaklah tangkapan sebab itu banyak khalwat. Saya tanya khalwat itu kenapa banyak, saya tak tanya kenapa boleh ditangkap banyak? Itu dia, kalau bolehlah, kalau boleh dan kes lain itu kalau ikut dasar

yang dibuat atau fakta yang disebut oleh kerajaan, kes murtad ini jumpa seorang sahaja, Ariffin sahaja, maknanya pegawai tak ramai ke atau bagaimana hak ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, sebab ada se kes tu ajelah. Se kes tu aje ada. Jadi bila ada se kes takkan kita nak khabar hak takdok kes jadi ada kes. Hak ada kita khabar adalah, hak takdok kita khabar takdoklah. Kita takmbok cakap pelawok, cakap lebung.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, bukan cakap pelawok, cakap gong, kalau se kes tu tak payah siasat dan dunia tahu berapa puluh tahun dah di situ, ini bukan satu kegiatan dan aktiviti kerajaan, benda yang telah diketahui umum, sejak selama-lama dah di Negeri Terengganu ini kalau Ripin tu saja. Kes-kes lain patut siasatlah, kes bagaimana gerakan Kristian untuk mengkristiankan rakyat Negeri Terengganu, di mana pusatnya dalam Bandar Kuala Terengganu ni. Kes ini tidak diambil caknapun oleh pihak kerajaan. Jadi sebab itu saya katakan tadi saya tanya pokoknya 821 kes itu kenapa yang khalwat ini ramai sangat? Kerana kejayaan ke kerajaan mempertingkatkan, memperhebatkan kaum lelaki ke atau macam mana atau kaum wanita itu meningkat maka khalwat tu banyak. Saya nak tanya kes itu pasal pegawai tu banyak.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, nak tahu kenapa khawat banyak ni kena tanya orang yang kena tangkap khalwat sebab apa dia kena tangkap khalwat itu ajelah. Kita tak tahu sebab apa dia khalwat tu tapi tugas kita mencegah kes ini daripada berlaku. Begitu jugak kes murtad, yang ada pada kita, yang didakwa pada kita cuma satu kes. Jadi oleh yang demikian, maka menjadi tanggungjawab kita dan kalau Wakil Manir ada maklumat, maklumkan kepada kita, isu pengkristianan ke, maklum dan ambil tindakan bersama, jangan orang Islam nak kafir pulak, ini orang Islam dah kafir pulak. Nabi suruh meramaikan umat: "*Tanahtahu tanasalu .....*" (yang bermaksud): "Berkahwin dan beranak-pinaklah biar aku bangga dengan umatku yang ramai." Ini ada ramai-ramai mengkafirkan pulak orang, tak betul.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan. "*Tanatahu tanasalu*" tu dipraktikkan oleh Wakil Kijal dengan Rhu Rendang aje Wakil Ajil tak praktik Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bincang tajuk lain.

Maaf Dato' Yang Dipertua, saya tanya tak bolehlah kita kata 421 tu, tanya dialah kenapa dia berkhawat, bukan macam tu. Jadi tangkapan tu bukan langkah pencegahan, itu tindakan, pencegahannya sebelum daripada itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Manir ini dia pegang Exco ini jugak dulu, begini jugak dia buat, kita tunjuk data-data hak dia buat zaman dia, jadi susah nak cakaplah ini dia lalu dah, dia ada pengalaman dah, semua ada dah. Jadi masalah sekarang ini selesailah masalah sama-sama umat dulu. Macam sembahyang dua Imam tadi, sembahyang dua masjid tadi, sekampung ada dua perpecahan. Di Telaga nun ada lagi makan gulai ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan. Zaman Pas tu ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nanti, nanti, saya beri peluang Dato' Yang Dipertua ..... Di Telaga nun, kampung Yang Berhormat Cikgu Awi ada lagi hari ini orang Pas pergi makan kenduri, makan ikan masin dengan acar saja sebab tak sah hak Pengerusi JKKK sembelih. Jadi hak ni kena betul dulu, jadi jangan cakaplah hal-hal ni, perbetul hak asas dulu. Sebab itu saya kata kita ramai umat, tugas kita meramaikan umat, dakwah – 'dakwah bilhaq' tapi apa yang berlaku tuduh murtad, tuduh kafir, Islam apa benda gini ni. Jadi mintaklah kerjasama dengan hati yang ikhlas mintak kerjasama untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Manir pergi soalan nombor dua Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih. Betul kalau murtad ni kalau kita kata tak murtad kita pertahankan diri. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, zaman Pas dulu jangan dibangkit-bangkit kita telah berjaya mengurangkan jumlah tempat sembahyang berasingan di kawasan yang berdekatan, kita telah berjaya. Tadi Exco mengaku dah di Kampung Buluh di Daerah Setiu kita dapat kurangkan dua, itu dalam masa empat tahun, kalau lapan tahun boleh jadi banyak lagi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dipertua, bercakap bolehlah tapi alhamdulillah Yang Dipertua, saya bersyukur kepada Allah S.W.T. sepanjang kita perintah ni takdok orang gocoh atas masjid berebut tongkat, alhamdulillah, ini suatu kejayaan kepada kita. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, panjang lagi boleh lawan ni .... (dalam gelak) ..... Soalan yang kedua, Dato' Yang Dipertua –

*Nyatakan berapa unitkah rumah kos rendah yang telah siap dibina oleh Kerajaan Negeri mulai tahun 2005 hingga Jun 2007?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebanyak 1,826 unit rumah kos rendah yang telah siap dibina oleh Kerajaan Negeri mulai tahun 2005 hingga Jun 2007. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat jawab soalan yang mana tu, saya ada tiga. Hak yang pertama tadi Wakil Ajil jawab. Hak yang kedua tu .....

*Berapa lot tanahkah yang telah diagihkan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat negeri ini sejak Jun 2004 hingga Jun 2007?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Minta maaf Dato' Yang Dipertua ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bilangan lot tanah yang telah diagihkan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat negeri ini sejak Jun 2004 hingga Jun 2007 adalah sebanyak 11,821 lot.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Dipertua, apakah jenis-jenis kegunaan tanah yang telah diagihkan sebanyak 11,821 lot itu?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tanah-tanah yang terlibat ialah seperti tapak rumah, pertanian, perindustrian dan tanah-tanah haram.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dari jumlah 11,821 itu apakah ia termasuk lot-lot yang telah diagihkan pada zaman pemerintahan Pas yang telah ditamatkan LMSnya diagih semula kepada pemilik-pemilik baru?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, ada yang termasuk dan ada yang tidak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kepekaan kerajaan yang kerajaan sendiri mencerooboh tanah rakyat?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kerajaan tidak pernah mencerooboh tanah rakyat. Sila buktikan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): PT 1507 Mukim Kuala Ibai.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Status tanah tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bangunan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Memerlukan notis Dato' Yang Dipertua untuk dapatkan kedudukan sebenar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak perlu notis saya dah beritahu dah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya nak cari di mana 1407 kat mana? Kita perlukan notis untuk dapatkan apakah keadaan sebenarnya yang berlaku dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Mungkin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tahu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ini apa berkait dengan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya dimaklumkan Dato' Yang Dipertua arahkan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua tak boleh jawab, saya yang jawab. Tanya sayalah.



YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tolong jawablah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya jawab. Beri notis.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, nasib baiklah Wakil Manir tolong betul lawyer, Wakil Wakaf Mempelam. Terima kasihlah Wakil Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Eh! Pandai belaka ni, boleh berlawan belaka. Lawyer tak lawyer boleh lawan belaka cuma saya kata dah ke dia, dia perlu notis berilah kat dia nak buat macam mana bukan semua tahu belaka bukan semua dalam kepala belaka, kitakan manusia.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Sebab tu kata terima kasih Wakil Manir tu, dia tak lawyer tapi cerdik daripada lawyer.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Eh! Mana tahu tak lawyer .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tak nampak ke ni, nampaklah tu dok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Lesen lawyer aje takdok tapi lawyer boleh ..... (dalam gelak) ..... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tak apa, soalan saya yang ketiga -

*Nyatakan berapa unitkah rumah kos rendah yang telah siap dibina oleh Kerajaan Negeri mulai tahun 2005 hingga Jun 2007?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, sebanyak 1,825 unit rumah kos rendah yang telah siap dibina oleh Kerajaan Negeri mulai tahun 2005 hingga 2007.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang siap diagihkan pada 2005 itu bila tarikh mula ia dibinakan?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ia dibina mulai tahun 2003.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, tidak ada soalan tambahan lagi makna 2003 ada pembinaan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, sebenarnya Wakil Manir seolah-olah nak tunjukkan bahawa dia buat sebab itu dia sebut 2003 tetapi itu adalah warisan daripada Kerajaan BN yang meluluskan projek tersebut pada tahun 1998.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Wakil Kijal tahu kerajaan ini berterusan, tidak ada satu zaman yang tidak ada kerajaan, setiap kerajaan ada fungsi dan tugasnya, yang tidak siap disediakan. Jadi jangan cakap kosong.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betullah Dato' Yang Dipertua, sebab itulah bila saya sebut 2003 dia senyap selalu, kalau dok dia pergi bersyarah .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok, saya nak jawab pasal itu hari ada kata zaman Pas kosong, tak buat apa-apa. Alhamdulillah ada walaupun menyudahkan apa yang tak sudah, itu tugas. Takkanlah kita mewarisi kerajaan bangunan yang tak sudah kita biarkan begitu saja dan buat yang baru, takdok orang buat.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Guana marah Wakil Manir?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak marah, bila kita marah takdok marah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sekarang mempersilakan Yang Berhormat Wakil Telemong mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

*Sejauh manakah industri IKS memainkan peranan untuk meningkatkan sektor pertanian di Terengganu sejak 2004 hingga sekarang?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri memang menggalakkan penyertaan IKS dalam bidang pertanian. Untuk tujuan ini kerajaan telah mewujudkan tiga Pusat Pembungkusan Dan Pemasaran Produk Usahawan Asas Tani (PAT):

- (i) PAT – Bukit Kenak, Besut.
- (ii) PAT – Paka.
- (iii) PAT – Hulu Terengganu.

Pusat Pembungkusan dan Pemasaran Asas Tani merupakan kemudahan oleh Kerajaan Negeri bagi menyediakan Pusat Pemasaran kepada usahawan yang menghadapi masalah dalam menempatkan produk yang diusahakan. Selaras dengan itu, usaha Pusat memberi tumpuan kepada Industri Asas Tani, dasar ini akan turut dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di mana penekanan kepada pembungkusan aktiviti hiliran dalam sektor pertanian menjadi fokus utama perancangan pembungkusan sektor asas tani. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Berkaitan untuk perusahaan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kerajaan tadi, yang menjadi masalah kepada petani-petani kita pada hari ini ialah berkait dengan masalah modal. Apakah kerajaan menyediakan peruntukan modal dalam bentuk pinjaman ataupun dana?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Kerajaan Negeri menyediakan skim-skim seperti Skim Pinjaman SPK (Pinjaman Kecil), Pinjaman Tanpa Faedah (SPPM), Pinjaman EKS SMIDEX (SPTF I & II) dan Skim Sahabat Penjaja Melayu. Dan jumlah keseluruhan skim-skim tersebut Skim SPPM sebanyak RM3.3 juta, Skim EKS RM8.3 juta, TPU Tabung Pemulihan Pinjaman Usahawan 1 & 2 RM1.043 juta dan TPUT 2 adalah RM1 juta, sementara pinjaman untuk penjaja sebanyak RM320,000.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Bagaimanakah sikap peminjam-peminjam kita pada masa sekarang berkaitan dengan pembayaran balik pinjaman kepada pihak kerajaan?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Alhamdulillah, Dato' Yang Dipertua, dari segi purata bayaran balik adalah 83.07 peratus dan Skim Penjaja Pasar Malam memberikan peratus pembayaran balik sebanyak 100 peratus sehingga 31 Julai 2007.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Sebagaimana yang didakwa oleh pihak pembangkang dalam ceramah-ceramah mereka bahawa mereka merupakan antara kerajaan yang membela kepada penjaja-penjaja. Jadi saya nak tahu pihak kerajaan berapakah jumlah sebenarnya jumlah kerajaan telah keluarkan untuk membantu penjaja-penjaja kalau nak bandingkan dengan tahun sebelum daripada 2004? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Sudah tentulah Dato' Yang Dipertua, jumlah yang diberikan sebagaimana yang disebut tadi semasa pemerintahan Barisan Nasional untuk pinjaman penjaja berlipat kali ganda dan peningkatan 272.86 peratus. Dan ini menunjukkan bahawa kita memberikan pembelaan kepada penjaja-penjaja dan hubungan yang baik di antara Kerajaan Barisan Nasional dengan penjaja memberikan satu komitmen bahawa mereka membayar pinjaman tersebut dan kita akan tambah daripada masa ke semasa.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Telemong. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Tepoh mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

*Sila nyatakan jumlah keseluruhan padang ragut dan luasannya di Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah-daerah?*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, menjawab soalan daripada Wakil Tepoh yang ingin tahu jumlah keseluruhan luas padang ragut di Negeri Terengganu.

Sebagai jawapannya ialah bagi Negeri Terengganu terdapat 86 buah padang ragut dengan keluasan 4977.3 hektar. Dan mengikut pecahan kawasan dan keluasan adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Daerah	Jumlah Padang Ragut/ Jumlah Kawasan
1.	Besut	17 buah / 402 hektar
2.	Setiu	12 buah / 1264.365 hektar
3.	Kuala Terengganu	5 buah / 457.1 hektar
4.	Hulu Terengganu	18 buah / 1020.1 hektar
5.	Marang	9 buah / 623.6 hektar
6.	Dungun	18 buah / 826.8 hektar
7.	Kemaman	7 buah / 383.04 hektar

**YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh):**  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah sebenarnya kriteria ataupun kaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak kerajaan di dalam menentukan sesuatu tempat itu, sesuatu kawasan itu untuk dijadikan sebagai tempat padang ragut dan kalau adapun kriteria tersebut bersetuju atau tidak dengan saya bahawa di dalam usaha untuk menetapkan sesuatu tempat itu menjadi sebagai padang ragut pihak-pihak yang terlibat sebenarnya tidak turun ke padang yang sebenarnya untuk melihat kedudukan tempat itu sesuai ataupun tidak untuk dijadikan padang ragut tidak ada cuma kalau ada kriteria apakah kriterianya? Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):**  
Dato' Yang Dipertua, kesesuaian padang ragut; yang pertamanya ialah kawasan yang tidak ditenggelami bagi penempatan haiwan. Dan juga yang kedua ialah kawasan yang subur untuk tanam rumput. Jadi tidak semua kawasan yang telah diluluskan padang ragut adalah mengikut faktor tersebut tetapi oleh kerana faktor tanah yang tidak boleh dipilih-pilih maka apa sahaja yang dimohon oleh kerajaan bagi tujuan ini termasuk jugak tanah yang tidak sesuai. Walau bagaimanapun, pada keseluruhan sesuatu padang ragut maknanya paling sesuai ataupun saya memberi contoh umpamanya penggunaan setelah diluluskan oleh kerajaan:

Kawasan Besut -

Kerajaan telah meluluskan kawasan sejumlah 402 hektar tetapi luas yang kita gunakan ialah 329 hektar sahaja manakala bakinya 72 hektar tidak dapat dilaksanakan pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, kita menggunakan konsep tebus-guna bagi membantu untuk memaksimumkan tanah tersebut.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Yang Dipertua, daripada petunjuk yang telahpun diberitahu oleh Wakil Kerajaan sebentar tadi tentang kedudukan padang-padang ragut seluruh negeri, saya ingin mendapat penjelasan ataupun maklumat daripada Wakil Kerajaan tentang daripada keseluruhan tersebut berapakah sebenarnya kawasan yang digunakan sebagai padang ragut yang sebenarnya?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, kawasan sebenar luas yang telah digunakan di tujuh daerah tersebut ialah 2,328 hektar.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa tanah-tanah padang ragut ini di zaman pemerintahan Kerajaan Pas dahulu digunakan untuk menanam kelapa sawit?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, padang ragut yang telahpun diluluskan oleh kerajaan saya rasanya tak sempat ditanam dengan kelapa sawit sebabnya tempoh dekat dan apa yang kita melihat sekarang ialah kebanyakan daripada padang ragut masih lagi kekurangan infra.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua, saya mohon supaya pihak kerajaan siasat padang ragut di kawasan Kampung Nyior. Saya rasa ini bercanggah dengan apa yang dijawab oleh kerajaan tidak ditanam dengan kelapa sawit sedang di situ penuh dengan kelapa sawit. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, saya rasa kawasan sayapun mempunyai satu padang ragut yang ditanam dengan kelapa sawit di kawasan Bukit Jemalang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang buat tambahan soalan dan saya akan menyiasat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah dalam pengetahuan kerajaan sumbangan pengeluaran hasil ternakan daripada kesemua padang ragut-padang ragut yang telah diluluskan itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, kerajaan memang sentiasa melihat kepada pembangunan dan hasil padang ragut dan perkara yang terbaru yang sedang dirancang oleh Jabatan Haiwan ialah untuk menempatkan semula penternak-penternak dengan kawasan seluas 50 ekar seorang bagi menentukan padang ragut ini dapat digunakan sepenuhnya untuk ternakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, penjelasannya saya minta sumbangan pengeluaran hasil ternakan kalau hak ada dalam pengetahuan sekarang, kalau tidak adapun saya akan bagi soalan lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, jumlah yang sebenar untuk pengeluaran saya sebenarnya tidak dapat memberi faktor yang tepat tetapi ada kepentingan pengeluaran di sebahagian besar daripada padang ragut itu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan untuk saya mengemukakan soalan tambahan saya yang terakhir yang ketiga. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mendapati padang-padang ragut ini khususnya di dalam DUN saya antaranya yang langsung tidak diusahakan dan tidak digunakan sebagai contohnya ialah Padang Ragut Bukit Seraya yang keluasanya lebih kurang 200 hektar dan ada lagi yang di sebelahnya. Persoalannya di sini oleh kerana padang ragut tersebut tidak digunakan dengan mengikut kaedah yang sebenarnya boleh atau tidak padang ragut atau kawasan tersebut dikeluarkan daripada status padang ragut kerana saya dapati bahawa kawasan itu adalah cukup strategik dia dilalui oleh lebuh raya LPT Fasa 2 yang sampai ke Bukit Jong. Kalau boleh apakah sebenarnya kaedah yang terbaik untuk nak mengeluarkan status padang ragut tersebut menjadi tanah milik kerajaan yang biasa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, mudah sahaja takdok masalah. Padang ragut ni diletak di bawah Seksyen 62 – di bawah penjagaan Pengarah Perkhidmatan Haiwan. Kalau nak mintak untuk jadikan ke tapak pembangunan, sila mintaklah takdok masalahpun sebab ada padang ragut kita di Kuala Berang telah digunakan untuk membuat sekolah dan tidak ada masalah apa-apapun.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Tepoh. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Besut mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Sejauh manakah kejayaan Projek Sutratani di Kampung Telaga Papan, Setiu sehingga kini?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Kuala Besut yang ingin mengetahui kejayaan Projek Sutratani di Kampung Telaga Papan. Sukacita saya memaklumkan bahawa oleh kerana Projek Sutratani yang telah dilaksanakan di Kampung Telaga Papan ini terlalu baru iaitu kita baru selesai satu modul sahaja daripada tiga modul yang telahpun kita laksanakan. Dan setakat ini kerajaan ataupun Syarikat TADC telahpun mengambil seramai 24 peserta iaitu satu modul bagi 8 peserta termasuklah sekurang-kurangnya 2 graduan daripada satu modul. Setakat ini kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM4 juta dengan keluasan tanah 5.5 hektar dan telahpun memberi satu petunjuk yang baik dengan menggunakan teknologi daripada Belanda dan juga pemasaran yang tetap iaitu dibeli oleh syarikat daripada Belanda dan hasil ini merupakan hasil yang terpilih serta pasaran yang terjamin. Setakat ini satu modul telah dilaksanakan seramai 30 orang penduduk kampung telahpun mendapat kerja dengan pendapatan RM200 hingga RM250 sebulan. Insya Allah, dua modul lagi akan dilancarkan pada pertengahan bulan ini.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kuala Besut. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua –

*Berapakah bilangan rumah PAKR yang telah diagihkan kepada rakyat Negeri Terengganu sejak tahun 2004 hingga sekarang?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bilangan rumah PAKR (Perumahan Awam Kos Rendah) yang telah diagihkan kepada rakyat Negeri Terengganu sejak tahun 2004 hingga sekarang sebanyak 2,251 buah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Maknanya masih lagi ada rumah-rumah yang belum diisi boleh tak beri saya sebab mengapa tak diisi rumah-rumah tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antaranya:

- (i) Masih di peringkat *interview*/temuduga.
- (ii) Kita menunggu mendapatkan CFO.
- (iii) Menunggu bayaran deposit daripada mereka yang berjaya.

Dan sebahagian daripada rumah-rumah tersebut ada yang mengalami kerosakan yang perlu diperbaiki akibat *vandalism* dengan izin Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Boleh tak saya dapat angka bilangan rumah-rumah yang telah dibahagikan zaman Kerajaan Pas dahulu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semasa pemerintahan Pas rumah itu belum disiapkan dan tidak ada pengagihan dilakukan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Kuala Berang. Sekarang soalan-soalan dan jawapan-jawapan bagi Soalan-soalan Lisan telahpun selesai.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin meminta jasa baik Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk mengemukakan satu cadangan di bawah Fasal 30 – Perkara-Perkara Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi menanggungkan Persidangan Dewan ini bagi merundingkan satu perkara tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih dan saya rasa penuh tanggungjawab ingin mengemukakan satu usul di dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia ini untuk membincang dan membahaskan isu penafian hak seorang pelajar cemerlang Abdullah Haris bin Zakaria untuk mendapatkan Biasiswa Pinjaman Sultan Ismail Nasiruddin Shah Terengganu oleh Yayasan Terengganu yang akan melanjutkan pelajarannya ke Universiti Al-Azhar, Mesir pada bulan depan ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila kemukakan usul itu kepada saya.

[Kertas usul diedarkan kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan]

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh saya teruskan Yang Berhormat dengan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, sekarang bukan bahas lagi. Yang Berhormat telah kemukakan itu dan saya akan baca, saya akan teliti apa yang Yang Berhormat kemukakan kepada Dewan. Terima kasih Yang Berhormat.

[Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua meneliti kertas usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.]

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ada menerima satu cadangan Perkara-perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai di bawah Fasal 31 daripada Yang Berhormat Wakil Kawasan Wakaf Mempelam untuk menanggungkan Persidangan Dewan bagi membahaskan usul yang dikemukakan berhubung dengan yang dikemukakan di sini bagi membahaskan penafian hak pelajar cemerlang Abdullah Haris bin Zakaria untuk mendapat biasiswa pinjaman Sultan Ismail Nasiruddin Shah Terengganu oleh

Yayasan Terengganu. Tujuan perbahasan ini dinyatakan untuk membahaskan isu penafian hak pelajar yang dikatakan pelajar cemerlang di sini, saya tak tahu berapanya cemerlang itu tidak dinyatakan dalam usul ini untuk belajar ke Universiti Al-Azhar, seorang pelajar. Jadi diminta supaya menengguhkan Persidangan Dewan untuk membahaskan apa yang dikemukakan ini untuk memberi peluang kepadanya yang dikatakan sebagai satu kepincangan pihak Yayasan Terengganu dalam penafian kepada pelajar untuk memberi Biasiswa atau Pinjaman Sultan Ismail Nasiruddin Shah yang dikatakan tadi .....

**YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih):** Dato' Yang Dipertua .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Saya belum selesai. Setelah sahaja meneliti usul yang dikemukakan ini, saya dapati ini merupakan seorang pelajar di antara ramai-ramai pelajar barangkali yang layak/ yang berkelayakan untuk Biasiswa atau Pinjaman Sultan Ismail Nasiruddin Shah dan saya dapati bahawa hanya seorang pelajar yang tidak diberi biasiswa atau pinjaman dan juga soal kecemerlangan tidak dinyatakan berapa cemerlangnya di sini, keputusan. Jadi saya lihat di bawah Fasal 30(2) berhubung dengan mustahak untuk kepentingan orang ramai ataupun cadangan-cadangan itu untuk tertentu, mustahak untuk kepentingan orang ramai merupakan satu perkara dalam satu jabatan yang diberi kuasa untuk menyelesaikan untuk bertanggungjawab berhubung dengan biasiswa/pinjaman bagi pelajar-pelajar. Jadi pada pendapat saya usul ini tidaklah menggambarkan satu kepincangan yang perlu menengguhkan Persidangan Dewan yang mulia ini untuk membincangkan atau membahaskan usul ini maka dengan ini berdasarkan Fasal 30(2) saya menolak usul ini.

Terima kasih.

## TANGGUHAN

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan Persidangan Dewan ini, saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat selama dua hari kita bersidang. Sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr. Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.30 PAGI.**

**LAMPIRAN**



**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI  
MESYUARAT YANG KEDUA  
PENGKAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**

PADA 13 DAN 14 OGOS 2007





**MESYUARAT KEDUA  
PENGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS  
PADA 13 DAN 14 OGOS 2007**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.1.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI  
WAKIL KEMASIK**

**SOALAN 1 :** Sila nyatakan perancangan Kerajaan Negeri dalam menangani isu-isu yang berkaitan masalah pengangkutan awam di semua daerah di negeri ini serta langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani masalah itu.

**JAWAPAN :** Menyelesaikan isu pengangkutan awam adalah salah satu agenda Kerajaan Negeri dan beberapa usaha ke arah itu telah diambil seperti:-

1. Membuat satu kajian khusus berhubung pengangkutan awam (bas henti-henti). Kajian ini dikendalikan oleh Terengganu Development Ins. (TDI) dan telah disiapkan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 16 Mei 2007.
2. Kajian pengangkutan bandar juga telah dibuat di bawah kendalian Unit Highway, JKR dan disiap pada Januari 2007.
4. Syarikat Prasarana Terengganu juga akan diwujudkan sebagai badan untuk mengendali dan mengawal aset-aset yang berkaitan pengangkutan awam sama ada untuk udara, darat dan air.

5. Rapid Terengganu Sdn Bhd. akan diwujudkan sebagai penguasa tunggal yang akan menjalankan operasi perkhidmatan bas henti-henti.
6. Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mendapatkan peruntukan kewangan dari Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) bagi membangunkan sistem pengangkutan awam negeri.
7. Bagi operasi pengangkutan bas henti-henti, zon-zon laluan akan diwujudkan sepertimana di bawah:-

**Cadangan Zon Operasi dan Jenis Perkhidmatan**

<b>Zon</b>	<b>Jenis-Jenis Perkhidmatan</b>
Zon Utara	Bas Shuttle Perkhidmatan dari bandar ke bandar Perkhidmatan dari Kuala Terengganu ke bandar berdekatan
Zon Tengah	Bas Shuttle Perkhidmatan dari bandar ke bandar Perkhidmatan dari Kuala Terengganu ke bandar berdekatan
Zon Pusat Bandar	Perkhidmatan Bas Bandar Perkhidmatan di dalam bandar yang melalui jalan-jalan utama Perkhidmatan ini lebih menumpukan kepada perkhidmatan kepada masyarakat setempat.
Zon Selatan	Bas Shuttle Perkhidmatan dari bandar ke bandar Perkhidmatan dari Kuala Terengganu ke bandar berdekatan

8. Bagi zon pusat bandar (Bandar Kuala Terengganu), Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu telah diberi kepercayaan untuk merancang, melaksana dan menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam di bandar Kuala Terengganu.

**SOALAN 1 :** Sila nyatakan status terkini Kolej Yayasan Terengganu dalam konteks kerjasamanya dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM)

**JAWAPAN :** Status terkini Kolej Yayasan Terengganu dalam konteks kerjasamanya dengan Universiti Teknologi MATA (UiTM) ialah Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan permohonan pengambilalihan Kolej Yayasan Terengganu (KYT) oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan syarat-syarat sebagaimana berikut:-

i. **Tanah**

Semua tanah KYT, Lot PT 2547K, PT 3062, PT 2414, PT 2240K, PT 2678 dan PT 2677 (tapak 1 hingga tapak 6) yang seluas 54.3 ekar akan dipindah milik kepada UiTM mengikut kadar premium tanah sebagaimana keputusan MMKN Kali ke 20 Tahun 2007, iaitu RM1.00 bagi setiap lot.

ii. **Harta Kekal dan Harta Alih**

Kesemua harta kekal dan harta alih milik KYT akan dipindah milik kepada UiTM mengikut harga nilai semasa. UiTM perlu membayar kepada Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan Terengganu bersama dengan nilai yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

iii. **Aset Semasa dan Liabiliti**

Aset semasa dan liabiliti milik KYT akan dipindah milik kepada UiTM. Nilai aset ini hendaklah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

- iv. Maklumat Kakitangan (Staf)  
Semua kakitangan KYT akan diberi option untuk berkhidmat dengan UiTM dan ditawarkan Skim UiTM.
- v. Program Pengajian KYT dan Pelajar  
Dua (2) program KYT iaitu Diploma Seni Grafik dan Media Kreatif dan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan pelajar akan diserahkan kepada IPT milik negeri yang akan diputuskan.
- vi. Program UiTM dan Pelajar  
Semua pelajar lama dan baru yang mengikuti program UiTM di KYT akan menjadi pelajar UiTM sepenuhnya.
- vii. Perjanjian Penyerahan  
Satu perjanjian penyerahan KYT kepada UiTM hendaklah ditandatangani dan kos ini hendaklah ditanggung oleh UiTM.
- viii. Pengambilan Pelajar  
MMKN juga bersetuju supaya kepastian bertulis dibuat bahawa 70% tempat yang diperuntukkan kepada pelajar hendaklah diberi kepada anak Negeri Terengganu.

**SOALAN 3 :** Yayasan Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu ada mengeluarkan bantuan berbentuk mesin kepada usahawan Terengganu. Sila sebutkan jumlah mesin yang dikeluarkan semenjak tahun 2004 hingga sekarang dan apakah bentuk mesin tersebut.

**JAWAPAN :** Bermula tahun 2004 sehingga Julai 2007, jumlah mesin yang telah dibiayai dalam bentuk bantuan geran adalah:-

- a. **Skim Bantuan Kecil Keusahawanan**
  - 22 Buah/unit mesin.
  - Jumlah Bantuan :- RM35,550.00

b. **Program Peningkatan Enterpris Kecil & Sederhana (EKS) Terengganu SMIDEC/YPU**

- 19 Buah/Unit Mesin
- Jumlah Bantuan Geran:- RM3,733,843

Bantuan ini bagi membolehkan mereka melaksanakan peningkatan produk dan proses industri masing-masing. Kebanyakan mereka terlibat dalam sektor pembuatan produk berasaskan makanan, tekstil (batek dan songket) dan sektor perkhidmatan berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA  
PENGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS  
PADA 13 DAN 14 OGOS 2007**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.5.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH  
WAKIL TEPOH**

**SOALAN 1 :** Berapakah jumlah bantuan modal dan peralatan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) kepada golongan miskin dan Ibu Tunggal sepanjang tahun 2007. Sila nyatakan mengikut pecahan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

**JAWAPAN :** Jumlah bantuan modal dan peralatan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu kepada golongan miskin dan Ibu Tunggal ialah sebanyak RM8,969,000.00 juta bagi Fasa 1 & 2 bagi tahun 2007. Jumlah bantuan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM3,202,000.00

**FASA 1**

Golongan Misikin			
BIL PESERTA	PERALATAN	BANTUANMODAL	JUMLAH
502 ORANG	RM1,437,897.50	RM745,102.50	RM2,183,000.00
Ibu Tunggal			
BIL PESERTA	PERALATAN	BANTUANMODAL	JUMLAH
260 ORANG	RM627,263.00	RM391,737.00	RM1,019,000.00

Manakala pecahan bantuan kepada golongan miskin dan Ibu Tunggal mengikut DUN adalah seperti di Lampiran.

Bagi Fasa Ke 2 bantuan modal akan disalurkan selepas penilaian dan kursus dilaksanakan.

- SOALAN 2 :**
- a. Berapakah jumlah masjid baru yang siap dan telah digunakan di seluruh Negeri Terengganu semenjak April 2004 hingga Jun 2007?
  - b. Berapakah kos keseluruhannya?
  - c. Berapakah jumlah masjid yang masih dalam pembinaan dan akan ditender sehingga akhir tahun 2007?

- JAWAPAN :**
- a. Masjid baru yang telah siap dibina sejak tahun 2004 ialah 24 buah.
  - b. Jumlah perbelanjaan RM65,382,395.30.
  - c. Jumlah masjid dalam pembinaan adalah 30 buah.  
Jumlah masjid dijangka tender tahun 2007 adalah 3 buah.  
Jumlah masjid dalam perancangan adalah 39 buah.

**MESYUARAT KEDUA  
PENGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS  
PADA 13 DAN 14 OGOS 2007**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.6**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB @ WAN MUSA BIN EMBONG  
WAKIL BATU BURUK**

**SOALAN 1 :** Bilakah Kerajaan Negeri bercadang hendak memulakan pembangunan kawasan 'Padang Bukit Besar' Kuala Terengganu, jika ada.

**JAWAPAN :** Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan kawasan Bukit Besar, Kuala Terengganu sebagai pusat pertumbuhan baru dalam bandar Kuala Terengganu dengan menempatkan kompleks Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri di kawasan seluas 600 hektar (1,482 ekar).

Pelan Pembangunan Bukit Besar telah dibentang kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 4 Julai 2007 dan kerajaan telah menerima cadangan pelan berkenaan untuk dilaksanakan.

Pembangunan kawasan ini telah bermula dengan pembangunan dan penempatan pejabat oleh Jabatan-jabatan Persekutuan seperti Pejabat BPR dan Pejabat Kimia di kawasan yang berkenaan. Pelan pembangunan kawasan ini dilaksanakan secara bersepadu dan terancang menonjolkan imej bandar yang lebih baik dan sistematik.



Beberapa buah Jabatan Kerajaan Persekutuan telah mendapat kelulusan untuk membina pejabat dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK 9).

**SOALAN 2 :** Adakah Kerajaan Negeri bercadang hendak meroboh dan membina semula Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu dalam masa terdekat.

**JAWAPAN :** Kerajaan Negeri bercadang untuk mengubahsuai dan menaiktaraf semula Pasar Kedai Payang Kuala Terengganu dengan peruntukan Kementerian Pelancongan sebanyak RM8 juta.

**SOALAN 3 :** Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan dan pertimbangan untuk menyelamatkan tanah milikan orang-orang Melayu (yang tidak mampu dimaju sendiri) dalam kawasan Bandar Kuala Terengganu.

**JAWAPAN :** Ya, Kerajaan ada mempunyai rancangan untuk menyelamatkan tanah milikan orang-orang Melayu dalam kawasan Bandar Kuala Terengganu dengan kaedah Pembangunan Tanah Bersepakat (PTB).

Pembangunan Tanah Bersepakat adalah satu kaedah pembangunan tanah di mana sekumpulan lot tanah yang berjiran disusun semula melalui kerjasama di antara tuan-tuan tanah mengikut pelan susun atur yang terancang dengan penyediaan kemudahan infrastruktur dan masyarakat yang mencukupi.

Melalui PTB, beberapa prinsip asas telah digariskan seperti berikut:

- i. Tanah akan disusun semula dan lot-lot baru akan diagih semula kepada pemilik-pemilik tanah;
- ii. Nilai tanah akan meningkat dan semua hak-hak atau sekatan kepentingan sedia ada ke atas tanah tersebut akan dikekalkan;

- iii. Perkongsian kos melibatkan kos pembinaan akan ditanggung bersama oleh semua pemilik tanah, kerajaan dan agensi yang berkaitan.
- iv. Semua pemilik tanah akan terlibat secara langsung dalam perancangan dan pembangunan kawasan tersebut.

Di Malaysia, semenjak tahun 1987, beberapa siri kajian dan penyelidikan telah dijalankan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), dengan dibantu oleh pakar-pakar dari Japan International Cooperation Agency (JICA) dan perunding tempatan.

Kerajaan Negeri akan memulakan kaedah ini untuk membangunkan kawasan Ladang Tok Pelam, Kuala Terengganu.

**MESYUARAT KEDUA  
PENGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS  
PADA 13 DAN 14 OGOS 2006**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.7**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. HAJI KHAZAN BIN CHE MAT  
WAKIL BATU RAKIT**

**SOALAN 1 :** Berapakah jumlah bilangan orang asli di Terengganu dan berapakah yang telah memeluk Agama Islam?

**JAWAPAN :** Mengikut banciaan tahun 2006 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, jumlah penduduk Orang Asli Negeri Terengganu adalah seramai **733 orang** (165 KIR), mereka berasal dari keturunan suku kaum Semaq Beri dan Bateq. Kesemua mereka telah memeluk Agama Islam. Pecahan keluarga adalah sebagaimana berikut:-

Kampung	Sungai Pergam	Sungai Sayap	Sungai Berua	Jumlah
Jumlah Keluarga	95	6	64	<b>165</b>
Jumlah Penduduk	389	29	315	<b>733</b>

**SOALAN 2 :** Berapakah kekosongan jawatan di jabatan-jabatan di bawah Kerajaan Negeri yang belum diisi dan berapakah jawatan-jawatan baru yang dicadangkan untuk diwujudkan?

- JAWAPAN :**
- i. Jumlah kekosongan jawatan yang belum diisi adalah sebanyak 2991 berbanding dengan waran perjawatan yang diluluskan sebanyak 12,655. Ia meliputi jawatan-jawatan di Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.
  - ii. Jawatan baru yang dicadangkan untuk diwujudkan ialah sebanyak lebih kurang 2,000.

**MESYUARAT KEDUA  
PENGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS  
PADA 13 DAN 14 OGOS 2006**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.8**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL  
WAKIL KUALA BERANG**

**SOALAN 1 :** Apakah rancangan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk pembangunan tanah di Padang Ipoh, Kuala Berang.

**JAWAPAN :** Tanah di Padang Ipoh adalah milik Persekutuan dan diamanahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan Bahagian Perladangan di Putrajaya. Ladang ini dari sudut sejarahnya adalah perladangan lembu kelolaan Majuternak di satu masa dahulu.

Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan di Putrajaya telah merancang pembangunan ladang ini untuk dijadikan Pusat Pembangunan Sumber Genetik bagi lembu pedaging baka Brahman. Kini terdapat sejumlah 1,000 ekor lembu pembiak baka tersebut diternak di sini.

**SOALAN 2 :** Apakah perancangan kerajaan untuk membangunkan Muara Sungai Berang di Kuala Berang.

**JAWAPAN :** Keadaan tebing muara Sungai Berang/Sungai Terengganu di Kuala Berang berkeadaan stabil dan bukan kawasan yang mengalami hakisan. JPS tiada perancangan untuk membangunkan kawasan ini. Walau bagaimanapun JPS menerima permohonan daripada Majlis Daerah Hulu

Terengganu untuk membantu membangun muara Sungai Berang untuk dijadikan dataran. JPS bersedia membantu membangunkan kawasan tersebut sekiranya diberikan peruntukan.

**SOALAN 3 :** Apakah usaha-usaha Jabatan Pertanian untuk membangunkan tanaman jagung di Kampung Gaung dan lain-lain di Hulu Terengganu.

**JAWAPAN :** Kerajaan melalui Jabatan Pertanian telah mengambil inisiatif berikut:-

- Memperkenalkan varieti baru yang dikenalpasti memberi hasil yang lebih tinggi dan mutu yang lebih baik. Untuk tujuan ini Jabatan Pertanian bersama syarikat swasta telah menjalankan percubaan di Kampung Tapu, Kuala Berang dan Alor Ketitir, Marang.
- Sebagai penemu (Matchmaker) di antara pengeluar (petani) dengan pemasar seperti Syarikat Starnium Sdn. Bhd., FAMA dan TADC.
- Mencadangkan supaya penanaman jagung dapat diintegrasikan dengan usaha ternakan lembu secara fidlot. Batang-batang jagung dapat dijadikan silage (makanan lembu).
- Berusaha melengkap dan menaiktaraf infrastruktur ladang seperti pengairan dan saliran dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran.

**SOALAN 4 :** Bilakah Pusat Pengumpulan Hasil-hasil Pertanian (ABC) Kuala Berang akan mula beroperasi dan apakah perancangan masa depan kerajaan di pusat tersebut.

**JAWAPAN :** ABC Kuala Berang atau Pusat Pengumpulan Hasil-hasil Pertanian Kuala Berang akan mula beroperasi pada 1 Ogos 2007.

Beberapa aktiviti telah bermula seperti:-

- i. Memproses kerepek pisang
- ii. Jualan produk tenusu kambing
- iii. Memproses minyak kelapa dara (VCO)
- iv. Memproses dan mengedar produk sejuk beku
- v. Pengeluaran laksa putih dan mi kuning
- vi. Pusat jualan buahan dan bahan basah
- vii. Klinik pengembangan (untuk petani mendapat khidmat nasihat mengenai masalah tanaman dengan membawa sampel untuk analisa)
- viii. Showroom

Perancangan aktiviti-aktiviti masa depan:-

- i. Pemasaran luar daerah
- ii. Agri-bazar
- iii. IKS
- iv. Kiosk makanan

Perancangan masa depan adalah sebagaimana berikut:-

### **1. Pemasaran**

- 1.1. Bangunan ini akan diserahkan kepada Terengganu Agrotech Development Corporation Dan. Bhd. (TADC) iaitu salah sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri yang menfokuskan kepada pemasaran hasil pertanian.
- 1.2. Di antara komoditi yang menjadi pilihan TADC Sdn. Bhd. adalah untuk memasarkan komoditi seperti Rock Melon Fertigasi, tomato dan pelbagai jenis buah-buahan.

## **2. Industri Kecil**

- 2.1. Bilik akan diusahakan oleh 3 orang graduan tempatan yang mengusahakan pengeluaran cendawan dan ternakan kambing tenusu akan dijadikan tempat 'packaging' untuk dipasarkan.
- 2.2. Selain daripada cendawan dan produk ternakan kambing, usahawan akan memilih beberapa produk IKS tempatan untuk 'repaking' dengan 'packaging' yang lebih menarik.
- 2.3. Mesin, peralatan packaging yang lengkap telah dibekalkan melalui peruntukan Parlimen, Kuala Berang.
- 2.4. Pusat ini akan bertindak sebagai pusat pengumpulan dan pemprosesan yang melibatkan proses peleraian, sejukbeku dan 'packaging'.
- 2.5. Di samping itu pemprosesan batang jagung 'silaj' akan dilaksanakan bagi menambah nilai dan pendapatan kepada peserta.
- 2.6. Mesin pemprosesan telahpun dibeli oleh Jabatan Pertanian.

## **3. Pemprosesan Minyak Kelapa Dara "VCO"**

- 3.1. Dengan adanya pusat pemprosesan kelapa dara ini, pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa akan dapat ditingkatkan.
- 3.2. Penanaman baru serta pemulihan kawasan kelapa sedang dijalankan bagi memenuhi permintaan pasaran.
- 3.3. Di samping itu, pendapatan sampingan seperti pembuatan minyak 'cloud oil' dari tempurung kelapa serta kraftani akan dilaksanakan secara berperingkat.



- 3.4. Peserta-peserta terdiri daripada siswazah-siswazah yang berminat menceburi bidang ini.
- 3.5. Mesin dan peralatan VCD dalam proses pembelian dan pemasangan.
- 3.6. Jabatan Pertanian akan mengadakan kursus/ bimbingan secara teori dan praktikal setelah peserta-peserta dikenal pasti.

#### **4. Pemprosesan Mee Kuning dan Laksa**

- 4.1. Bilik ini akan diusahakan oleh seorang usahawan PPRT Bukit Tok Bat untuk pemprosesan makanan basah mee kuning dan laksa.
- 4.2. Mesin/peralatan packaging yang lengkap telah dibekalkan melalui peruntukan Parlimen Kuala Berang.
- 4.3. Dengan usaha ini akan dapat menambah pendapatan usahawan tersebut dan keluar daripada garis kemiskinan.

#### **5. Kiosk Makanan**

- 5.1. Dicadangkan sebuah kiosk/restoran perlu dibuat bagi menghidupkan suasana yang berlainan dan bukan seperti suasana di pasar borong.
- 5.2. Kiosk ini akan dapat menarik orang ramai serta pelancong bagi merasai makanan yang berasaskan produk pertanian dari daerah Hulu Terengganu.

#### **6. Agribazar dan Showroom**

- 6.1. Penempatan komputer Agribazar dicadangkan bagi membolehkan urusan pemasaran dapat dijalankan dengan lebih luas sehingga ke luar negeri.

- 6.2. Seorang pegawai akan ditugaskan secara berjadual bagi memastikan sistem ini beroperasi dengan berkesan.
- 6.3. Sebuah bilik 'Showroom' dicadangkan dibuat bagi membolehkan semua produk-produk dari daerah Hulu Terengganu dapat dipamerkan kepada pengunjung luar. Bukan sahaja produk pertanian, tetapi semua tempat menarik seperti Taman Pertanian Sekayu, Perkelahan Lubuk Periuk, Batu Bersurat, Tasik Kenyir dan lain-lain dapat ditonjolkan kepada pengunjung luar.

**MESYUARAT KEDUA  
PENGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS  
PADA 13 DAN 14 OGOS 2007**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BILANGAN 4.1.9.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH  
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT  
WAKIL WAKAF MEMPELAM**

**SOALAN 1 :** Mengapakah kemudahan asas di Pasar Borong Darul Iman Gong Pauh tidak diselenggarakan dengan sempurna.

**JAWAPAN :** Pasar Borong Gong Pauh telah dibuka pada 26 September 2002 dan telah memulakan operasi sepenuhnya pada 13 Oktober 2002. Kerajaan Negeri pada masa itu telah menyerahkan pengurusan Pasar Borong berkenaan kepada KPK Trading Sdn. Bhd. (Konsortium Petani Komersial). Kebanyakan gerai-gerai jualan dibina sendiri oleh para peniaga termasuklah penyambungan bekalan elektrik.

Pada 17 April 2005 barulah pengurusan Pasar Borong tersebut diserahkan kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dalam keadaan kemudahan asas yang serba kekurangan.

Kemudahan yang ada di Pasar Borong ini adalah seperti bekalan elektrik, air, tandas awam, surau, tempat letak kereta dan kawalan keselamatan. Namun begitu kemudahan bekalan air yang ada tidak mencukupi bagi menampung kegunaan semua peniaga-peniaga yang ada. Ini kerana bekalan air yang dibuat pada masa itu hanya untuk kegunaan 60 peniaga sahaja. Namun dengan pertambahan ruang niaga yang tidak terkawal, pada masa itu telah menjejaskan bekalan air yang sedia ada

dan menyebabkan tekanan air menjadi rendah serta tidak mampu lagi menampung keperluan semasa.

Bagi meningkatkan kemudahan asas di Pasar Borong Gong Pauh, pihak Majlis telah mengambil tindakan berikut:-

- a. Membina tandas awam baru yang kini masih dalam pembinaan.
- b. Menggantikan paip air baru yang lebih besar bagi memastikan bekalan air yang mencukupi.
- c. Menaiktaraf longkang di kawasan berkenaan.
- d. Tempat letak kereta telah dipremix bagi kemudahan kepada pengunjung dan peniaga.